

**INTERPRETASI PADI DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT  
MELAYU MELALUI TEKS PANTUN PAK NAZEL 101**

**PERKARA**

**FATHIN IZZATI BINTI ABD HAMID**

**C18A0061**

UNIVERSITI

MALAYSIA  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Interpretasi Padi Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Melalui  
Teks Pantun Pak Nazel 101 Perkara**

**Fathin Izzati Binti Abd Hamid**

**C18A0061**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
Dengan Kepujian**

---

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

---

**2022**

KANDUNGAN	HALAMAN
<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Definisi Konsep	8
1.8 Batasan Kajian	9
1.9 Kesimpulan	10
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian Lepas Mengenai Pantun	11
2.2.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah	11
2.2.2 Tesis Ijazah Sarjana	12

2.2.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	14
2.2.4	Artikel Jurnal	14
2.2.5	Buku	15
2.2.6	Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)	17
2.3	Kajian Lepas Mengenai Padi Dan Masyarakat Melayu	19
2.3.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	19
2.3.2	Tesis Ijazah Sarjana	20
2.3.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	22
2.3.4	Artikel Jurnal	22
2.3.5	Buku	23
2.3.6	Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)	24
2.4	Kajian Lepas Mengenai Teori Puitika Sastera Melayu	25
2.4.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	25
2.4.2	Tesis Ijazah Sarjana	26
2.4.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	26
2.4.4	Artikel Jurnal	27
2.4.5	Buku	28
2.4.6	Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)	28

<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.2.1	Rekabentuk kajian Kualitatif	30
	3.2.1.1 Kaedah Analisis teks	31
	3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data	32
	3.2.1.3 Kaedah Kepustakaan	33
	3.2.1.4 Kaedah Internet	33
3.2.2	Penerapan Teori	34
	3.2.2.1 Teori Puitika Sastera Melayu	34
	3.2.2.2 Unsur Keindahan	37
3.3	Kesimpulan	39
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	40
4.1	Mengenalpasti Konsep Penggunaan Padi Dalam Pantun	41
	4.1.1 Konsep Padi Sebagai Unsur Alam	41
4.2	Menghubungkan Makna Padi Dalam Budaya dan Tradisi Masyarakat Melayu	45

4.2.1	Budaya Masyarakat Melayu Berbudi	46
4.2.2	Budaya Masyarakat Melayu Tidak Kufur Nikmat	52
4.2.3	Tradisi Masyarakat Melayu Merisik	59
4.3	Kesimpulan	66
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>		
5.1	Pengenalan	68
5.2	Rumusan Kajian	69
5.3	Cadangan	73
5.4	Kesimpulan	77
RUJUKAN		78

## Interpretasi Padi Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Melalui Teks Pantun Pak Nazel 101 Perkara

### Abstrak

Pantun adalah genre kesusasteraan tradisional Melayu yang berkembang di seluruh dunia khususnya di Nusantara sejak ratusan tahun dahulu. Makalah ini meneliti unsur alam iaitu padi sebagai salah satu tanda yang banyak dipindahkan dalam pantun. Padi dipilih kerana ia merupakan sumber ekonomi dan juga sumber utama makanan masyarakat Melayu. Unsur tersirat di sebalik tanda-tanda pada padi dihurai dengan membuat penilaian dan pentafsiran agar dapat lebih difahami. Buku *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* (2012) yang di hasilkan oleh Nazel Hashim Mohamad, terbitan Institut Terjemahan Buku Malaysia digunakan sebagai teks kajian. Kajian terhadap padi kurang dilakukan oleh para sarjana tempatan. Oleh itu, kajian ini mengemukakan dua objektif utama iaitu Mengenal pasti konsep penggunaan padi dalam pantun dan Menghubungkaitkan makna padi dalam budaya dan tradisi masyarakat melayu. Melalui kedua-dua objektif ini, dapat disimpulkan bahawa padi dan kehidupan melayu tidak dapat dipisahkan malah banyak kepentingannya kepada masyarakat melayu. Selain itu, padi yang merupakan makanan utama yang diamalkan daripada masyarakat dahulu dan berkekal sehingga kini dapat disamakan dengan pantun yang merupakan sastera lisan masyarakat dahulu dan masih relevan sehingga ke hari ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan teks *Pantun Pak Nazel 101 Perkara*. Melalui kajian ini, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kepada para sarjana untuk mengangkat kajian terhadap unsur alam iaitu padi dan memperbanyakkan kajian ke atas teori puitika sastera melayu. Seterusnya cadangan kepada masyarakat bagi menggalakkan masyarakat menggunakan pantun dalam pertuturan harian.

**Kata kunci:** pantun; padi; unsur alam; masyarakat Melayu

# **Interpretation of Paddy in the Life of the Malay Community Through the Text of Pak Nazel's Poems 101 Things**

## **Abstract**

Pantun is a genre of traditional Malay literature that has developed around the world, especially in the archipelago since hundreds of years ago. This paper examines the natural element of paddy as one of the many signs transferred in the pantun. Paddy was chosen because it is an economic source and also the main source of food for the Malay community. The implicit element behind the signs on paddy is explained by making an assessment and interpretation in order to be able to Pak Nazel's book *Pantun 101 Perkara* (2012) produced by Nazel Hashim Mohamad, published by the Malaysian Book Translation Institute is used as the study text. The study on paddy is less done by local scholars. Therefore, this study presents two main objectives namely Identify the concept of the use of paddy in verses and Relate the meaning of paddy in culture and tradition of the Malay community. Through these two objectives, it can be concluded that paddy and Malay life are inseparable and even of great importance to the Malay community. In addition, paddy which is the main food practiced by the community in the past and remains until now can be equated with pantun which is the oral literature of the community in the past and is still relevant to this day. This study uses a qualitative approach by analyzing the text content of *Pantun Pak Nazel 101 Things*. Through this study, the researcher submitted some suggestions to scholars to raise the study of the elements of nature that is rice and increase the study on the theory of Malay literary poetry. Next is a suggestion to the community to encourage the community to use verses in daily speech.

**Keywords:** poetry; paddy; natural elements; Malay community



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pantun merupakan puisi tradisional masyarakat Melayu yang telah ada ketika zaman dahulu lagi. Melalui sejarah, puisi tradisional ini telah wujud ketika masyarakat Melayu belum tahu membaca dan menulis. Ciptaan pantun adalah sebagai suatu bentuk pengucapan dalam menyampaikan fikiran dan perasaan ataupun mengenai sesuatu perkara bagi tujuan untuk menyindir, berjenaka dan memberi nasihat serta untuk bersuka-suka. Menurut Harun Mat Piah (1989) berkenaan definisi pantun iaitu beliau berpendapat bahawa pantun berdasarkan aspek dalaman dan luaran atau aspek struktur visualnya. Aspek dalaman pantun meliputi unsur estetika dan isi iaitu tema dan persoalan. Unsur estetika pantun pula dapat dilihat berdasarkan dua aspek. Pertama, berkaitan dengan penggunaan lambang-lambang tertentu yang terdapat dalam pantun mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Kedua, berkaitan hubungan makna antara pasangan pembayang dengan pembayang maksud sama ada secara konkrit atau abstrak.

Menurut Taib Osman pula, pantun merupakan satu artifak (bukan benda) yang bukan sahaja digunakan dalam kehidupan orang melayu tetapi memiliki pelbagai makna dan fungsi

dalam budaya. Hal ini kerana, pantun mencerminkan peradaban melayu. Peradaban melayu lahir daripada kemampuan menggunakan minda namun terselit juga perasaan kerana manusia diciptakan dengan memiliki perasaan dan juga peradaban melalui interaksi manusia dan alam sekitar. Makna dan pesanan yang disampaikan dapat di jelaskan dalam pantun tersebut ;

Minta daun diberi daun,

Dalam daun buah bidara,

Minta pantun diberi pantun,

Dalam pantun ada bicara.

(Nik Safiah Karim, 1996)

Setiap pantun yang disampaikan pasti memiliki makna dan nasihat yang diselitkan bagi memastikan masyarakat dapat mengambil iktibar dan terdapat juga pantun yang digunakan untuk berkomunikasi dengan cara yang sopan bagi menyampaikan hajat dan perasaan seseorang kerana ianya adalah tradisi budaya melayu. Pantun dikatakan sebagai tradisi budaya melayu kerana memiliki kebijaksanaan daya kreativiti dan pemikiran yang tinggi masyarakat melayu dalam pengolahan ayat bagus.

Padi adalah salah satu sumber ekonomi yang juga di jadikan sebagai sumber utama makanan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu moden hari ini menganggap pokok padi sebagai sesuatu pokok yang hanya menghasilkan beras untuk dijadikan makanan masyarakat tanpa melihat peranan dan fungsinya yang lebih besar. Proses penghasilan padi, beras dan sehinggalah ianya menjadi nasi tidak dihayati oleh masyarakat. Hal ini berbeza dengan masyarakat Melayu dahulu yang menganggap bahawa padi sebagai sesuatu yang sangat

bermakna dalam masyarakat. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (1992) menjelaskan bahawa: “Berasaskan kepada kegiatan menanam padi, penghidupan orang Melayu berkisar kepada perlakuan-perlakuan yang berkaitan dengannya. Padi mempengaruhi pemikiran dan perlakuan mereka dan seterusnya memainkan peranan penting dalam membina tradisi yang kukuh.” Penjelasan yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa intelektual dalam masyarakat Melayu mampu di bina melalui unsur padi dengan pelbagai sudut serta berdasarkan lingkungan yang mempengaruhi padi. Sebagai contoh, sifat-sifat tumbuhan padi itu sendiri seperti menunduk apabila buahnya sudah masak, antah yang kualitinya tidak bagus dalam beras, serta perbandingan pokok padi dengan lalang atau jagung, dan peralatan yang selalu dikaitkan dengan penanaman padi. Ini semua telah menjadi bahan pemikiran orang Melayu serta dikaitkan dengan kehidupan mereka.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tanaman padi merupakan salah satu tanaman yang sangat penting dalam masyarakat Melayu tradisional. Kisah padi di Bukit Siguntang Mahameru merupakan kisah yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu. Melalui kisah inilah bermulanya pemerintahan raja-raja Melayu. Dalam Sulalat al-Salatin (1997) diceritakan bahawa tanaman padi yang diusahakan oleh dua orang perempuan, iaitu Uwan Empuk dan Uwan Malini sangat luas humanya, diperikan oleh pengarangnya sebagai “terlalulah luas humanya, syahadan terlalu jadilah

padinya”. Kehadiran tiga orang pemuda yang merupakan keturunan Raja Iskandar Zulkarnain membawa kemakmuran lagi terhadap bumi Palembang itu sehinggakan padi Bukit Seguntang itu “berbuahkan emas, berdaunkan perak dan berbatangkan suasa”.

Padi bagi orang Melayu bukan sahaja sebagai bahan makanan utama malah ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan yang merupakan ciri nyata dalam kebudayaan masyarakat Melayu. “Padi” ialah perkataan asli dalam bahasa Melayu yang dapat ditemukan dalam pepatah seperti “ada padi semua kerja boleh jadi, ada beras semua kerja menjadi deras, kalau tiada padi semua kerja tak jadi dan bukan tanah menjadi padi” (Azis, 2010; Hussain, 2019). Maka dapat dilihat begitu pentingnya padi bagi kehidupan masyarakat Melayu. Oleh kerana begitu pentingnya padi, maka masyarakat Melayu harus menanamnya pada tempat yang tepat dan tidak berlebih-lebihan.

Diantara genre kesusasteraan tradisional Melayu yang telah berkembang di seluruh dunia malah lebih khususnya berkembang di Nusantara sejak dahulu adalah pantun. Hal ini kerana ianya merupakan simbol artistik masyarakat Nusantara dan pantun juga adalah lambang kebijaksanaan masyarakat berfikir. Pantun dikatakan sering digunakankan sebagai alat komunikasi. Bersifat ringkas, romantik dan boleh mengetengahkan aspirasi masyarakat dengan lebih jelas. Pantun begitu sinonim dengan kebudayaan dan pemikiran masyarakat nusantara dan Malaysia. Pantun telah wujud dalam 39 dialek Melayu dan 25 bukan dialek di nusantara. Ia juga dikatakan turut berkembang di selatan Burma, Sri Lanka, Kemboja, Vietnam serta Afrika Selatan (kerana pengaruh imigran dari Indonesia dan Malaysia). Pantun di Malaysia telah ditulis sekitar empat abad lalu. Malah, mungkin juga ia berusia lebih tua berbanding itu seperti yang tertulis di dalam Hikayat Raja-Raja Pasai dan Sejarah Melayu.

Za'ba (1965) dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu menjelaskan, "Perkataan pantun itu pada mulanya dipakai orang dengan makna seperti atau umpama." Ada pendapat mengatakan perkataan pantun adalah daripada bahasa Minangkabau iaitu panuntun yang bermaksud pembimbing atau penasihat yang berasaskan sastera lisan dalam pengucapan pepatah dan petiti yang popular dalam masyarakat tersebut. Sehingga hari ini, pantun sering digunakan dalam upacara peminangan dan perkahwinan atau sebagai pembuka atau penutup bicara dalam majlis-majlis rasmi.

Kajian ini juga menganalisis teks pantun Pak Nazel 101 Perkara dengan menggunakan teori puitika sastera melayu oleh Muhammad Haji Salleh iaitu bagi memperlihatkan keindahan dan estetika pantun itu dengan menggunakan unsur keindahan yang terdapat di dalam teori tersebut.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Penggunaan unsur alam di dalam pantun sangat istimewa kerana mampu menunjukkan keupayaan masyarakat Melayu berfikir atau bijak dalam menanggapi sesuatu. Terdapat banyak pantun yang menggunakan unsur alam seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, air, alam cakerawala dan sebagainya. Unsur alam yang digunakan dalam pantun ini juga merupakan sebagai kiasan kepada maklumat yang ingin di sampaikan. Unsur alam digunakan sebagai metafora dan memberi makna yang berlapis, iaitu makna yang tersirat kepada pantun

tersebut. Unsur alam yang digunakan dalam pantun mempunyai tanda-tanda yang tertentu. Tanda-tanda tersebut perlu dikenal pasti berdasarkan penilaian dan pentafsiran terhadap unsur alam tersebut. Berdasarkan kajian yang ingin dijalankan, unsur alam yang dikenal pasti dan dianalisis adalah padi yang mewakili unsur alam yang sangat penting untuk manusia meneruskan kelangsungan hidup. Bagaimana pun, unsur-unsur lain yang dikaitkan bersama padi juga dijadikan sebagai data bagi menyokong hujahan dalam kajian ini. Permasalahan dalam kajian ini antaranya kurang kajian berkenaan makna padi kepada kehidupan masyarakat Melayu. Masyarakat melayu sering menganggap padi sebagai sumber makanan sahaja namun fungsinya kepada kehidupan masyarakat tidak pernah dipedulikan. Selain itu, kurang penggunaan pantun yang menerangkan tentang kehidupan masyarakat kerana kebanyakannya pantun menjelaskan mengenai nasihat.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini akan merungkai beberapa persoalan iaitu:

- 1) Apakah konsep penggunaan padi dalam pantun?
- 2) Bagaimanakah Pengertian padi dapat dihubungkaitkan dengan budaya dan tradisi masyarakat melayu?

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mengemukakan dua objektif iaitu:

- 1) Mengenal pasti konsep penggunaan padi dalam pantun.
- 2) Menghubungkan makna padi dalam budaya dan tradisi masyarakat melayu.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan yang diperolehi daripada dapatan kajian ini antara ialah kekurangan penguasaan pemikiran bertaraf kreatif dalam kalangan masyarakat melayu. Hal ini kerana bahasa yang digunakan pada zaman ini adalah bahasa melayu biasa dengan campuran pengaruh bahasa negara luar sehingga tidak menampakkan penggunaan bahasa melayu yang asli dan penuh dengan keindahan. Namun begitu, dengan penggunaan pantun dalam pertuturan dapat melihatkan kebijaksanaan yang tinggi dalam pengolahan ayat dan memiliki keindahan dalam bahasa yang dituturkan. Oleh itu, jelaslah bahawa pantun dapat memperlihatkan ketinggian tahap berfikir seseorang individu serta kekreatifan masyarakat dalam mengajukan tutur kata dan terselit juga kesopanan dalam penyampaiannya.

Seterusnya, kepentingan kajian ini juga dapat memperluaskan lagi penggunaan pantun dalam menyebarkan segala hal yang positif melalui penggunaan makna padi untuk masyarakat melayu. Terdapat pelbagai makna padi yang boleh ditafsirkan dalam sesebuah pantun melayu agar dapat dipelajari oleh masyarakat. Antaranya, masyarakat boleh belajar

adat masyarakat terdahulu yang sudah tidak diamalkan dalam kehidupan masyarakat kini. Seperti adat berpantun ketika mahu merisik. Adat ini merupakan salah satu pemanis kata bagi menyampaikan hajat namun selain daripada menyampaikan hajat, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara satu keluarga dan keluarga lainnya. Hal ini kerana bahasa yang digunakan sangat cantik dan sopan untuk menunjukkan sisi baik sesuatu keluarga dengan harapan hajat diterima kerana menganggap keluarga tersebut adalah keluarga yang beradab. Oleh itu, kajian ini dapat memperlihatkan positifiti yang terdapat di dalam sesebuah pantun dengan mengeratkan hubungan antara masyarakat sekeliling.

Seterusnya, kajian ini juga dapat menjelaskan mengenai pengertian padi terhadap kehidupan harian masyarakat Melayu. Hal ini kerana, masyarakat kini tidak menghargai penghasilan padi yang menjadikan sumber terbesar terhadap masyarakat seluruh negara. Perkara ini berbeza dengan masyarakat dahulu yang mengetahui makna padi dan dikaitkan dengan kehidupan mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menjelaskan pengertian padi dalam kehidupan Masyarakat melayu.

## **1.7 Definisi Konsep**

Pantun ialah suatu bentuk puisi Melayu yang asli dan unik. Ia merupakan sumber bingkisan permata berharga dalam kehidupan masyarakat di Alam Melayu, baik daripada aspek pemikiran, kesenian, mahupun nilai-nilai moral dan sosialnya. Kesantunan nada



pengucapan orang Melayu dapat dirasakan lembut dan halus menerusi pantun yang diungkapkan secara spontan dengan gaya bahasa ringkas tetapi padat. Hal demikian menyerlahkan kebijaksanaan dan ketangkasan seniman Melayu menjana makna yang tepat, pesona gerak hati serta lukisan rasa yang indah bersama zahirnya kepelbagaian flora dan fauna lambang-lambang alam. Ukuran keunggulan pantun Melayu yang tinggi nilai estetika tidak boleh sama sekali meninggalkan pembayang tanpa memasukkan fenomena alam semula jadi yang melingkari dunia Melayu. Penciptaan pantun bukanlah dilakukan oleh seorang seniman yang pakar bahasa untuk memilih dan menyusun perkataan atau sangat mahir dalam memanipulasi bunyi bahasa tetapi cukuplah hanya dengan mencintai bahasa, seseorang pemantun akan berupaya memilih kata dengan pelbagai rentak bunyi yang berirama.

## **1.8 Batasan Kajian**

Skop kajian ini menggunakan pantun Melayu bagi merungkai pengertian padi dalam kehidupan masyarakat Melayu melalui teks pantun Pak Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (1992) Nazel 101 Perkara. Kajian ini menjadikan teks pantun Pak Nazel 101 Perkara sebagai bahan rujukan dalam menghuraikan makna padi serta menghubungkan padi dengan budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti bagaimana pantun tersebut dapat memberi kesan yang positif dalam diri masyarakat melayu melalui pengertian penggunaan padi dengan menggunakan teori puitika sastera melayu.

Seterusnya, kajian ini juga menggunakan teori puitika sastera Melayu bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan kajian. akhir sekali, kajian ini menjadikan kajian-kajin lepas seperti artikel, tesis, buku dan akhbar atas talian sebagai panduan kepada pengkaji bagi mendapatkan maklumat tambahan dan data yang lebih jelas.

## **1.9 Kesimpulan**

Dalam kajian ini menegaskan bahawa padi sebagai tanda dalam pantun membawa makna yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini kerana terdapat unsur nasihat, pengajaran dan pendidikan yang dimasukkan di dalam pantun bagi membentuk masyarakat yang baik dan berakhlak. Selain itu, terdapat juga kaitan antara masyarakat dan budaya yang perlu dipandang serius kerana pembentukan masyarakat tanpa budaya yang baik akan merosakkan sesuatu bangsa. Namun dengan adanya adat budaya yang dipraktikkan dalam kehidupan harian masyarakat dapat membentuk individu yang harmoni antara ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat serta menjadikan sesebuah negara itu makmur dan aman damai. Jelas di sini bahawa masyarakat Melayu menterjemahkan padi itu sebagai tanda yang membawa kepada pembinaan masyarakat yang baik.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini menyentuh mengenai kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Pengkaji menganalisis dan melakukan kritikan terhadap kajian yang berkaitan dengan topik Interpretasi Padi Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Melalui Teks Pantun Pak Nazel 101 Perkara dengan menjalankan kajian lepas mengenai pantun, padi dan masyarakat melayu, dan kajian lepas mengenai teori puitika. Kajian ini merangkumi kajian terhadap beberapa tesis yang telah dijalankan seperti Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Tesis Ijazah Sarjana, Tesis Ijazah Sarjana Muda dan naskhah Buku.

#### **2.2 Kajian Lepas Mengenai Pantun**

##### **2.2.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah**

Kajian yang dijalankan oleh Eizah Bt Mat Hussain (2016) dari Universiti Malaya mengenai simbol dan makna dalam pantun melayu bingkisan permata menerangkan bahawa

pantun dikategorikan sebagai genre puisi tradisional yang diwarisi daripada masyarakat Nusantara atau dunia Melayu. Pantun diperkenalkan dan diabadikan di dalam pemikiran serta kehidupan masyarakat Melayu yang menduduki daerah yang luas merangkumi kepulauan Indonesia, semenanjung tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, Brunei dan kepulauan selatan Filipina. Pantun melayu diwujudkan dan berkembang secara terkenal terhadap masyarakat Melayu yang buta huruf sebagai warisan tradisi lisan. Penciptaan atau proses kreativiti pantun ini dijalankan dengan begitu rapi sehingga mampu menghasilkan susunan kata yang menarik dan indah pada deria pendengaran.

### **2.2.2 Tesis Ijazah Sarjana**

Kajian yang dijalankan oleh Johari Bin Yahaya (2015) dari Universiti Sains Malaysia mengenai pantun adalah pantun merupakan satu bahasa yang istimewa kerana pantun memiliki kekayaan bahasa kiasan yang tinggi nilainya. Hal ini kerana masyarakat Melayu tradisi amat dikenali dengan sikap yang sopan dan berbudi bahasa. Pantun juga memiliki pelbagai aspek yang berkaitan dengan norma hidup dan nilai sebagai wadah dalam bentuk nasihat, sindiran, gurauan dan luahan perasaan. Perkataan yang digunakan adalah perkataan yang dipilih dan disusun dengan teliti dan dapat menyelami pemikiran yang kritis. Pantun juga merupakan salah satu alat komunikasi yang berkesan bagi menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat. Melalui pantun, dapat dibuktikan bahawa masyarakat Melayu tradisi

memiliki ketajaman pemikiran yang dapat mentafsir serta merentasi masa dan zaman malah didalamnya memiliki nilai budaya Melayu yang sarat dengan mesej sebagai pedoman hidup.

Kajian Mohd Fairus Bin Abd Majid (2017) dari Universiti Utara Malaysia menjelaskan bahawa pantun terdiri daripada rangkap-rangkap yang indah dan suci serta memiliki beberapa maksud terselindung dan diluahkan dalam bentuk melodi dan ritma yang sedap didengar dan dihayati. Pantun juga melihatkan kepandaian dan kepintaran masyarakat Melayu menyusun kata-kata yang memiliki nilai-nilai estetika dengan jelas, tepat dan ringkas. Pantun Melayu mempunyai banyak nilai yang dijadikan tauladan dan amalan generasi dahulu yang ulung. Para pemantun adalah golongan yang memuliakan agama dan amat menitikberatkan sebarang pengertian ayat al-Quran agar menepati saranan dan sunnah Nabi Muhammad SAW.

Kajian Shuib Bin Dan (2005) dari Universiti Malaya menjelaskan bahawa pantun merupakan cerminan pemikiran dan corak kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Keupayaan pantun dikatakan sebagai alat pengucapan kerana berperanan sebagai alat komunikasi masyarakat dalam pelbagai acara atau kegiatan mereka. Pengucapan pantun akan menyentuh persoalan masyarakat, adat, agama, kasih sayang, nasihat dan lain-lain. Nilai-nilai keindahan dalam pantun dapat dihayati oleh segenap lapisan anggota masyarakat dan dengan itulah pantun dijadikan tradisi budaya yang dapat dianggap amat popular dan tahan diuji sepanjang zaman.

### **2.2.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda**

Pencarian pantun bagi Tesis Ijazah Sarjana Muda tidak berjaya ditemui. Saya telah mencari daripada pelbagai platform seperti Google Scholar dan Myto namun saya tetap tidak menjumpai kajian Pantun daripada Tesis Ijazah Sarjana Muda.

### **2.2.4 Artikel Jurnal**

Kajian yang dijalankan oleh Siti Hajar Che Man (2013) mendapati bahawa pantu sebagai hasil kreatif manusia Melayu terdahulu. Oleh itu, pantun dikatakan sebagai khazanah yang amat bernilai dan melambangkan kebijaksanaan manusia Melayu. Malah pantun turut memiliki nilai dokumentari yang tiada tandingannya. Pantun merupakan salah satu genre asli kesusasteraan menjadi wahana bagi pengucapan dalam pelbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat. Istimewanya pantun merakam cara hidup dan aktiviti kehidupan dibayangkan dengan mengeksploitasi unsur-unsur alam yang melatari dan melingkungi persekitaran setempat.

Kajian M.Zakri Wiguna, Ramadhan Kusuma Yuda dan Indriyana Uli (2017) dalam analisis nilai-nilai pendidikan dalam pantun melayu sambas menerangkan bahawa pantun pada zaman dahulu memegang peranan penting dalam menyebarkan nilai-nilai asas kemelayuan dan pantun juga merupakan asset budaya yang harus tetap dipertahankan. Pantun

merupakan media pendidikan yang diwujudkan bagi mendidik masyarakat dalam pelbagai bentuk seperti pantun adat, pantun nasihat, pantun dakwah, pantun pembangkit semangat, pantun sindiran, pantun berkasih sayang dan lain-lain. Pendidikan melalui pantun juga memiliki nilai beragama, moral dan budaya. Melalui nilai-nilai ini, dapat dibuktikan bahawa karya sastera yang dihasilkan pasti mengandungi nilai-nilai kehidupan.

### **2.2.5 Buku**

Kajian ini diambil dari buku Pantun Dan Puisi Lama Melayu karya Eko Sugiarto menjelaskan bahawa pantun merupakan bentuk puisi asli Melayu namun istilahnya pernah menjadi perdebatan sebagian pengamat sastera. Sebagian daripada mereka menyatakan bahasa kata patun bererti missal, seperti, umpama. Namun ada sebagian orang yang menyatakan bahawa kata pantun berasal dari bahasa jawa iaitu pantun atau pari. Pantun atau pari sama-sama bererti padi. Meskipun ada pelbagai pendapat namun satu perkara yang perlu diketahui adalah bahawa pantun merupakan gubahan yang diuntai atau diikat oleh ikatan-ikatan tertentu. Ikatan-ikatan inilah yang membedakan dengan bentuk karya sastera lisan yang lain dan merupakan ciri khas yang mudah dikenali.

Kajian ini diambil melalui buku Siri Indahnya Bahasaku karya Khadijah Hashim menjelaskan bahawa Pantun merupakan puisi tradisi Melayu yang bersifat tulen berdasarkan budaya setempat serta tidak dipengaruhi oleh sastera atau budaya asing. Terdapat lima bentuk

utamanya iaitu pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat, lapan kerat, dan dua belas kerat. Namun, yang sering digunakan oleh masyarakat adalah pantun dua kerat dan empat kerat. Pantun mapu untuk memberikan hiburan, nasihat, menduga akal, meluahkan perasaan, dan menyedapkan cakap. Melalui buku ini, penulis cuba menyampaikan nasihat secara sopan melalui penyampaian berasaskan kiasan dengan maksud yang mempunyai pengajaran, moral serta falsafah hidup. Pengarang berharap agar kanak-kanak pembaca yang membaca buku ini boleh mengambil iktibar disamping terhibur.

Kajian ini diambil dari buku *Layarkan Kapal dalam Embun: Sepilihan Pantun Minangkabau* karya Muhammad Haji Salleh dan Ivan Adilla menjelaskan mengenai Pantun Minangkabau. Pantun Minangkabau ini menyediakan sebuah transkripsi dialek Minangkabau baku dan sebuah transkripsi bahasa Indonesia/Malaysia baku. Pantun ini menjadi alat pendidikan tradisional di kampung-kampung dan digunakan dalam semua keadaan. Pantun Minangkabau ini yang dikumpulkan dari seluruh daerahnya menjadi suatu bukti kepada khazanah besarnya. Bentuk ini adalah wacana terpilih perasaan, pemikiran, seni malah jati diri Minangkabau. Ia diharap dapat menyumbang kepada usaha mengekalkan khazanah pantun di Minangkabau dalam konteks pantun Nusantara. Ia menyediakan sebuah pemerian dan kajian latar serta estetika pantun Minangkabau secara lebih khusus yang mencakupi sejarah, latar alam dan sosial, bentuk, fungsi, estetika dan kepengarangan.



### 2.2.6 Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)

Penulisan yang dilakukan oleh Ahmad Murad Merican mengenai tajuk kajiannya Pantun: Apakah kita tidak terdaya berfikir? yang diterbitkan di dalam akhbar Berita Harian pada 22 Januari 2021 menjelaskan bahawa sekiranya Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengiktiraf pantun, maka cara pemikiran dan kehidupan Melayu juga diiktiraf dunia. Beliau menulis makalah ini untuk mengisi kesepian suasana menyambut pengiktirafan UNESCO baru-baru ini akan bentuk budaya lisan orang-orang Melayu. Pada sidanganya yang ke-15 di Paris pada Khamis, 17 Disember 2020, UNESCO menetapkan pantun sebagai warisan dunia tak ketara. Pengiktirafan pantun itu akan dapat mengangkat wajah negara Malaysia dan Indonesia di forum antarabangsa. Sambutan di Indonesia kelihatan pada 27 Desember 2020 melalui acara "Kenduri Virtual: Pantun Menjadi Warisan Dunia". Menurut sahabatnya dari Universiti Leiden Dr Surya Suryadi, seorang sarjana kajian sejarah Asia Tenggara dan kajian budaya yang tidak asing dalam kalangan cendekiawan dan akademik di Malaysia, baru-baru ini mengulas kesepian melalui makalah yang ditulis dalam dua bahagian di sebuah portal sosio-budaya Minangkabau pada 26 dan 27 Disember lalu. Kata Dr Suryadi, sebagai warisan dunia tak ketara, pengakuan pantun oleh UNESCO ini "tentu selayaknya dapat mendorong rakyat Indonesia dan Malaysia, bahkan sayugianya juga negara-negara lain yang masih berada dalam rumpun Melayu Raya, untuk menyemarakkan kembali pemakaian genre puisi tradisional Melayu-Nusantara ini di masa sekarang". Beliau menegur bahawa umumnya pantun di kedua belah selat hanya digunakan dalam saat acara-acara khusus seperti

meminang mempelai, perkahwinan, menabalkan penghulu, dan sebagainya. Menurut beliau, sekiranya amalan lisan ini tidak dibukukan maka pantun akan dilupakan oleh generasi akan datang.

Penulisan yang dilakukan oleh Mohd Yusni Ariffin mengenai tajuk kajiannya “Anak muda perlu dipupuk minat pantun” yang diterbitkan di dalam akhbar Berita Harian pada 12 Disember 2018 menjelaskan bahawa keunikan pantun sebagai antara cabang puisi Melayu tradisional dan khazanah bangsa yang bernilai tinggi perlu dihayati generasi muda supaya kekal sepanjang zaman. Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Dr Harun Mat Piah berkata keunikan pantun membabitkan aspek pengucapan sewajarnya dipatuhi termasuk aspek penggunaan gaya bahasa dan rima. Beliau berkata, gaya bahasa, pemilihan ayat dan kosa kata bersesuaian penting untuk memastikan setiap mesej disampaikan dapat difahami dengan sebaiknya, serta dapat memelihara nilai murni dalam karya tradisional berkenaan. Penghasilan pantun mesti menggunakan laras bahasa yang mudah difahami masyarakat tanpa sekali-kali menyentuh sebarang isu sensitif seperti agama dan perkauman. Harun berkata “pantun yang baik mesti mengandungi mesej bermanfaat dan disampaikan secara jenaka, kiasan dan sindiran tetapi tidak menyakitkan hati, justeru kebanyakan pantun adalah bersifat pengajaran serta mengangkat nilai kemasyarakatan”.

Penulisan yang seterusnya Saiful Bahri Kamaruddin mengenai tajuk kajiannya “dilakukan oleh Pantun Melayu Telah Ubah Peranan Tetapi Semakin Populer” yang telah diterbitkan di dalam laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 30 November 2014 menjelaskan bahawa pantun Melayu pada masa kini semakin popular hingga ia digunakan dalam pelbagai bidang malah terdapat juga bidang yang asalnya bukan menjadi

tujuan pantun dicipta. Menurut Professor Dr Ding Choo Ming, teknologi digital terkini menggunakan pantun dalam banyak bidang seperti kempen politik, penyebaran maklumat dan bidang komersil seperti iklan. Beliau menjelaskan bahawa peranan pantun sekarang amat berlainan sekali daripada tujuan asalnya iaitu untuk meluahkan perasaan duka nestapa, riang gembira, kasih sayang dan dendam berahi. Kewujudan penduduk yang semakin celik huruf dan pintar komputer telah mengubah peranan pantun yang dahulunya dicipta untuk memaparkan perasaan kepada suatu kaedah di mana ia menjadi bahan yang diperdagangkan. Beliau juga percaya bahawa kedudukan pantun sekarang lebih penting daripada Gurindam, Syair dan Seloka yang telah muncul lebih lewat dari segi kronologi dalam sejarah tamadun Melayu. Malahan pantun orang Melayu di sebar ke Brunei, Indonesia, Pattani, Riau, Singapura dan Selatan Filipina selain Malaysia.

## **2.3 Kajian Lepas Mengenai Padi Dan Masyarakat Melayu**

### **2.3.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah**

Kajian yang dijalankan oleh Mini Walek @ Khairil Khalid Bin Jusoh (2016) dari Universiti sains Malaysia mengenai ekonomi pertanian orang melayu diterengganu. Kajiannya mendapati bahawa pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pertanian oleh agensi-agensi kerajaan dan dasar pembasmian kemiskinan keatas orang melayu Terengganu tidak mencapai

matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan. Banyak kelemahan yang dikenalpasti termasuk kelemahan dasar, agensi pelaksana dan sikap petani yang membawa kegagalan dalam mencapai matlamat tersebut.

### **2.3.2 Tesis Ijazah Sarjana**

Kajian yang dijalankan oleh Noraini Abd.Shukor (2016) dari Universiti Malaya mengenai padi dan air sebagai tanda dalam peribahasa melayu. Masyarakat Melayu menggunakan kebijaksanaan pemikiran mereka dengan meneliti unsur alam dan melahirkannya dalam bentuk ungkapan yang indah sehingga mewujudkan peribahasa. Kajiannya dilakukan dengan melihat unsur alam, iaitu 'padi' dan 'air' yang menjadi tanda dalam kehidupan masyarakat melayu. Kedua-dua unsur tersebut mempunyai tanda-tanda yang tertentu kepada masyarakat. Padi dalam peribahasa Melayu memberikan tanda hubungan persaudaraan dan kekeluargaan, tanda pembinaan akhlak yang baik dan tanda sumber rezeki.

Kajian Rashahar Bin Ramli (1999) dari Universiti Malaya berkaitan masyarakat melayu dan penanaman padi di Selatan Thailand. Padi dikenali sebagai makanan ruji bagi masyarakat Asia Tenggara. Masyarakat tani Melayu juga seperti masyarakat lain di Asia Tenggara iaitu memberi penekanan yang khusus terhadap aktiviti tanaman padi. Namun begitu, tanaman padi yang merupakan sumber makanan telah mempengaruhi budaya hidup

kaum tani. Hal ini menimbulkan perasaan kebergantungan terhadap tanaman padi. Oleh itu, masyarakat tani Melayu telah mewujudkan beberapa ritual dan pantang larang sejak turun-temurun lagi sebagai satu ikhtiar bagi menjamin harapan mereka terhadap tanaman ini. Budaya kerjasama dalam masyarakat Melayu juga dapat diwujudkan dalam proses tanaman ini seperti mencabut semaian, mencendong dan menuai kerana sesebuah keluarga tidak mampu untuk menyelesaikan kerja ini kerana masa dan tenaga yang terhad.

Kajian yang dijalankan oleh Norisah Binti Pirin (2017) dari Universiti Sains Malaysia mengenai Perkembangan Adat Memuja Semangat Padi Masyarakat Kadazandusun Di Membakut, Sabah, 1960-2010. Kepercayaan terhadap kuasa yang ada pada semangat padi untuk mendatangkan hasil padi yang lumayan telah meresap ke dalam jiwa masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kepercayaan ini telah mendorong masyarakat Kadazandusun untuk mengadakan upacara memuja semangat padi. Adat ini juga amat signifikan kepada masyarakat Kadazandusun kerana ia berkait rapat dengan sumber makanan utama masyarakat ini iaitu padi. Hasil kajian ini mendapati bahawa perkembangan adat memuja semangat padi bagi masyarakat Kadazandusun di Membakut bermula pada tahun 1960-an hingga tahun 1980-an. Mulai 1990-an, adat memuja semangat padi menunjukkan bibit-bibit kemerosotan. Oleh itu, pada masa kini masyarakat Kadazandusun di Membakut tidak lagi menjalankan ritual adat memuja semangat padi. Namun demikian, penghormatan dan tanda syukur terhadap semangat padi dizahirkan melalui upacara simbolik menuai padi semasa perayaan Pesta Menuai. Bagi mengekalkan legasi adat memuja semangat padi, terdapat usaha pemuliharaan adat ini yang dilakukan oleh pemimpin masyarakat Kadazandusun di Membakut.

### **2.3.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda**

Kajian yang dijalankan oleh Ong Seow ling (1988) dari Universiti Malaya mengenai masalah-masalah pesawah padi di semenanjung Malaysia. Padi merupakan makanan ruji bagi penduduk di Malaysia. Namun begitu, penanaman padi belum mencapai tahap mampu diri sepenuhnya ekoran daripada kemerosotan kawasan penanaman dan hasil padi di rancangan muda dan kemubu. Keadaan kemiskinan yang tinggi di kalangan pesawah padi adalah disebabkan mereka dibelenggu oleh masalah-masalah dari segi fizikal dan kemanusiaan seperti iklim, bentuk muka bumi, saiz tanah, teknologi, pemilikan, pemasaran dan lain-lain. Oleh itu, pesawah perlulah mencari cara bagaimana untuk menjaga padi mereka seperti mencegah padi dari diserang serangga dan penyakit.

### **2.3.4 Artikel Jurnal**

Kajian yang dijalankan oleh Noraini Abdul Shukor (2016) dari Universiti Malaya mengenai padi sebagai tanda dalam peribahasa melayu menjelaskan bahawa masyarakat melayu menggunakan kebijaksanaan mereka untuk meneliti tanda-tanda dan unsur alam bagi melahirkan ungkapan yang indah tentangnya dalam peribahasa. Padi dipilih kerana ia merupakan sumber ekonomi dan juga sumber utama makanan masyarakat Melayu. Unsur tersirat disebalik tanda-tanda pada padi dihurai dengan membuat penilaian dan pentafsiran agar dapat lebih difahami. Dalam masyarakat Melayu moden hari ini, pokok padi dianggap

sebagai sesuatu yang hanya menghasilkan beras sebagai makanan ruji masyarakat tanpa melihat peranan dan fungsinya yang lebih besar. Berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi yang menganggap bahawa padi sebagai sesuatu yang sangat bermakna dalam masyarakat.

### 2.3.5 Buku

Kajian ini diambil dari buku *Mungkin untuk Tindak Balas Serba Hijau: Pengekstrakan dan penggunaan silika daripada sekam padi* karya Farook Adam menjelaskan mengenai sekam padi yang merupakan sisa buangan daripada industri pertanian. Ia mengandungi silika ( $\text{SiO}_2$ ) yang boleh diekstrak dan digunakan dalam pelbagai bidang. Pengekstrakan dilakukan dengan menggunakan kaedah pengekstrakan pelarut yang mempunyai ciri-ciri kimia hijau. Mungkin heterogen yang telah disintesis digunakan dalam beberapa tindak balas organik, termasuk tindak balas karbon dioksida. Gas karbon dioksida merupakan salah satu gas rumah hijau yang telah banyak mengakibatkan kerosakan alam semula jadi. Silika yang diekstrak daripada sekam padi boleh menggantikan silika komersial yang ada di pasaran pada masa kini.

Kajian ini diambil daripada buku *Semantik dan Akal Budi Melayu* karya Norhashimah Jalaluddin menjelaskan masyarakat Melayu memahami bahasa bukan sahaja setakat urutan perkataan yang boleh memberi makna. Bahasa pada masyarakat Melayu

bermaksud lebih daripada itu, bahasa sebagai paparan tingkah laku dan jiwa penuturnya dan sekali gus mencerminkan akal budi penuturnya.

Kajian ini diambil daripada buku Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur oleh Mohammad Redzoan Othman menjelaskan peranan yang dimainkan oleh Islam dan pengaruh dari Timur Tengah dalam membawa perubahan pemikiran kepada masyarakat Melayu. Buku ini juga bertujuan bagi menunjukkan bahawa sebelum Perang Dunia Kedua, pengaruh dari Timur Tengah telah memainkan peranan penting dalam mencorakkan pemikiran masyarakat Melayu, mendahului peranan yang dimainkan oleh mereka yang mendapat pendidikan Inggeris dan Melayu. Di samping itu, buku ini juga bertujuan bagi memaparkan kegigihan usaha mereka yang mendapat pendedahan di Timur Tengah dalam usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu.

### **2.3.6 Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)**

Penulisan yang dilakukan oleh M Hifzuddin Ikhsan mengenai tajuk kajiannya “Anak muda perlu selamatkan Jelapang Padi” yang diterbitkan di dalam akhbar Berita Harian pada 28 Februari 2019 menjelaskan bahawa cabaran pesawah pada masa kini bukan berlegar kepada masalah siput godang sahaja, tetapi berdepan masalah lebih besar bermula daripada kos membajak tanah sehingga isu padi angin. padi angin adalah situasi sawah ditumbuhi padi dari benih yang tidak sesuai menyebabkan pesawah menanggung kerugian puluhan ribu ringgit. Malahan pada masa kini, sangat kurang generasi muda yang berminat untuk



melakukan pekerjaan ini kerana tidak sanggup menanggung panas dan penat. Oleh itu, dirisaukan pada 10 ke 20 tahun akan datang boleh mengakibatkan pengeluaran beras terganggu kerana kebanyakan yang mengerjakan sawah ini dari kalangan warga emas yang berumur dalam lingkungan 40 ke 60 tahun. Remaja lebih di dedahkan dengan pekerjaan yang tidak perlu berhadapan dengan teriknya matahari dan berjaya mendapatkan gaji yang tinggi. Disebabkan itu, timbul desakan agar kerajaan membantu pesawah meningkatkan pengeluaran beras kepada lebih enam tan sehektar berbanding hanya antara empat ke enam tan setahun ketika ini. Pengeluaran lebih enam tan itu sebenarnya bukan sesuatu mustahil kerana ada pesawah yang mampu mencapai sehingga 10 tan setahun seperti dilakukan Jaafar Zakaria yang mengusahakan sawah di Sanglang. Menerusi pengalaman dan kaedah saintifik, Jaafar berupaya menentukan tahap keasidan (pH) tanah sebelum memulakan proses tanaman sehingga berjaya meraih pengeluaran maksimum padi. Oleh itu, penulis percaya bahawa pesawah perlulah memiliki semangat yang tinggi serta berusaha memastikan kegiatan penanaman padi diteruskan selagi bakti mereka diperlukan.

## **2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Puitika**

### **2.4.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah**

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Halim Bin Ali (2010) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai konsep Estetika bersepadu: terapan dan analisis terhadap karya-karya puisi Ahmad Kamal Abdullah menjelaskan bahawa teori puitika sastera Melayu berteraskan

sastera Islam. Keindahan dalam karya kesusasteraan Melayu disifatkan sebagai berpunca dari potensi Keindahan Islam dan potensi Keindahan Islam itu bersumberkan sumber yang hakiki iaitu Keindahan Allah S.W.T. kerana cahaya (Keindahan) yang bukan dari Allah S.W.T bukanlah hakiki atau pun kebenaran.

#### **2.4.2 Tesis Ijazah Sarjana**

Pencarian Teori Puitika bagi Tesis Ijazah Sarjana tidak berjaya ditemui. Saya telah mencari daripada pelbagai platform seperti Google Scholar dan Myto namun saya tetap tidak menjumpai kajian Teori Puitika daripada Tesis Ijazah Sarjana. Malah kajian daripada tesis yang lain juga tidak banyak ditemui dan maklumat tentang Teori Puitika tidak banyak saya temui.

#### **2.4.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda**

Pencarian Teori Puitika bagi Tesis Ijazah Sarjana Muda tidak berjaya ditemui. Saya telah mencari daripada pelbagai platform seperti Google Scholar dan Myto namun saya tetap tidak menjumpai kajian Teori Puitika daripada Tesis Ijazah Sarjana Muda. Malah kajian

daripada tesis yang lain juga tidak banyak ditemui dan maklumat tentang Teori Puitika tidak banyak saya temui.

#### **2.4.4 Artikel Jurnal**

Kajian yang dijalankan oleh Hashim Ismail (2019) dari Universiti Malaya mengenai teori puitika sastera melayu : interpretasi dan praktikaliti menjelaskan bahawa teori puitika difahami sebagai satu kaedah genre, ujaran yang indah-indah, memperbaharui pengarang dan khalayak di serambi pentas adalah bukti ujaran-ujaran melepasi daerah linguistik dan diperhatikan para antropologis melayu sebagai satu nilai jati diri. Teori puitika berasaskan pada lapan aspek utama, iaitu “takrif dan istilah”, “fungsi karya sastera”, “genre”, “perkataan yang indah-indah”, “teks”, “memperbaharui pengarang”, “yang indah-indah: Estetika sastera melayu”, dan “khalayak di serambi pentas”.

Kajian ini dilakukan oleh Isa Romtie, Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad (2019) dari Universiti Malaysia Sabah mengenai nyanyian pantun sebagai medium hiburan dan pendidikan masyarakat cocos di Sabah. Berdasarkan kajian ini, terdapat enam skop yang ditunjukkan oleh pendekatan puitika yang diperkenalkan iaitu dunia luas yang dipadatkan, kiasan dan saranan, dunia terbelah dua, sama ukuran, muzik bahasa seiring kata, dan kesederhanaan ‘patut’.

#### **2.4.5 Buku**

Pencarian Teori Puitika melalui naskah buku tidak berjaya ditemui. Saya telah mencari daripada beberapa platform namun saya tetap tidak menjumpai kajian Teori Puitika. Malah kajian ini juga tidak banyak ditemui dan maklumat tentang Teori Puitika tidak banyak saya temui.

#### **2.4.6 Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)**

Pencarian Teori Puitika bagi lain-lain(Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar) tidak berjaya ditemui. Saya telah mencari daripada pelbagai platform namun saya tetap tidak menjumpai kajian Teori Puitika daripada Majalah, Laman Sesawang, Akhbar dan lain-lain. Malah kajian daripada tesis yang lain juga tidak banyak ditemui dan maklumat tentang Teori Puitika tidak banyak saya temui.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menurut Ustaz Kenali merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi kajian memastikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih terperinci mengenai pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

## **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan kaedah kajian yang dilakukan bagi mendapatkan data mengenai kajian yang dijalankan. Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang digunakan oleh sesuatu kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Melalui reka bentuk kajian, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih jelas dan sistematik. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan kajian secara kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang jelas dan sahih. Kajian kualitatif juga bersesuaian dengan kajian ini dengan mengkaji teks dan merungkai makna yang tersembunyi.

### **3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif**

Pendekatan kualitatif digunakan bagi menganalisis dan mengumpul data yang diterima untuk menyokong kajian ini. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kajian kualitatif merupakan sebuah kajian yang mementingkan usaha untuk mencari dan memberikan setiap penjelasan malah pemerhatian yang bukan numerikal walaupun wujud penjelasan yang merujuk kepada statistik. Kajian ini membolehkan pengkaji mengumpul data melalui beberapa kaedah kajian seperti kajian teks, kepustakaan, kajian internet berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Pengumpulan data dapat dilakuakn melalui kaedah kualitatif dengan melihat kembali kepada objektif-objek kajian yang ingin di capai oleh pengkaji iaitu:

3) Mengenal pasti konsep penggunaan padi dalam pantun.

4) Menghubungkan makna padi dalam budaya dan tradisi masyarakat melayu.

Melalui objektif-objektif ini, kaedah kajian yang sesuai digunakan adalah kajian kualitatif bagi mendapatkan maklumat mengenai penggunaan padi dalam pantun dan hubungkait makna padi dalam budaya dan tradisi masyarakat melayu berbanding kajian kuantitatif. Kajian kualitatif ini merangkumi kaedah analisis teks, kaedah kepustakaan, kaedah internet bagi mengumpul dan menganalisis data.

#### **3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks**

Kaedah analisis teks merupakan kaedah kajian yang melibatkan penggunaan teks yang dijadikan rujukan dan panduan dalam menganalisis data dan mendapatkan maklumat kajian dengan lebih jelas dan luas. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan teks pantun pak nazel 101 perkara karya Nazel Hashim Mohamad diterbitkan pada tahun 2012 oleh Institusi Terjemahan dan Buku Malaysia. Buku ini dihasilkan bagi menjelaskan mengenai kebijaksanaan orang Melayu. Hal ini kerana orang Melayu begitu sinonim dengan pantun sehinggakan mereka dapat menyampaikan sindiran, pujian, nasihat, jenaka, cinta dan hampir setiap perkara dalam kehidupan. Tujuan buku ini dihasilkan adalah untuk mengangkat kembali seni berpantun yang merupakan warisan sastera lisan dan melambangkan kebijaksanaan orang Melayu. Selain itu, kajian ini menfokuskan kepada kehidupan masyarakat Melayu yang digambarkan dalam pembayang pantun iaitu padi. Ini kerana padi

dikatakan memiliki makna yang sangat dekat dengan masyarakat Melayu dan melambangkan kehidupan masyarakat Melayu.

### **3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah berbentuk data sekunder kerana mendapatkan maklumat daripada beberapa sumber seperti kajian lepas, artikel penulisan, buku, surat khabar secara atas talian dan juga kajian-kajian pada peringkat sarjana dan kedoktoran. Data dikumpul berdasarkan kajian para sarjana dan pelbagai laman sesawang yang sah bagi membantu memproses data dengan mudah dan luas. Semua kaedah ini dilakukan oleh pengkaji untuk memastikan kajian yang dilakukan tidak dipersoalkan kesahihan dari segi sumber rujukan dan pemerolehan data. Kaedah-kaedah ini perlu dilakukan agar seiring dengan objektif kajian pengkaji. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teori Puitika Sastera Melayu dalam mengukuhkan lagi pengumpulan data yang dimiliki dalam kajian yang dilakukan. Kajian yang diperolehi daripada beberapa sumber tersebut seterusnya membantu pengkaji bagi mengumpul dan menganalisis data agar dapat menjalankan kajian dengan lebih sistematik.



### 3.2.1.3 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan ini merupakan kaedah yang berkaitan dengan pencarian maklumat-maklumat umum berdasarkan kata kunci bagi sesuatu kajian. Kata kunci bagi kajian ini ialah pantun, padi dan masyarakat Melayu, teori puitika Melayu dan sebagainya. Bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat-maklumat yang berkaitan kajian ini, pengkaji telah pergi ke beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Awam Alor Setar Kedah dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, pengkaji telah merujuk beberapa penulisan yang berkisar dengan kajian yang hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Rujukan asas ini penting agar penulisan pengkaji tidak terpesong dari landasan yang sebenar. Kaedah kepustakaan ini dilakukan bagi menambahkan pengetahuan pengkaji berkaitan tajuk kajian dengan lebih mendalam.

### 3.2.1.4 Kaedah Internet

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan sumber internet bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan ini. Antara laman sesawang yang diakses untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian ini adalah seperti *Google Scholar*, *Malaysian Thesis Online (MYTO)*, akhbar secara atas talian dan laman sesawang yang disahkan kesahihannya sebagai laman sesawang pendidikan. Rujukan daripada sumber internet ini dapat membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang lebih luas dan terkini mengenai skop kajian. Hal ini kerana segala maklumat dapat diperoleh menerusi

internet tanpa had dan merentasi masa. Segala maklumat yang diperoleh menerusi internet akan dikumpul untuk dimuatkan dalam penghasilan kerja kursus ini.

### **3.2.2 Penerapan Teori**

Penerapan teori dalam sesuatu kajian diperlukan bagi menyokong kajian yang dijalankan. Teori yang digunakan perlulah berkait dengan kajian yang dijalankan bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian serta mengumpul data yang lebih jelas. Teori juga merupakan penerangan kepada keseluruhan kajian yang akan dijalankan. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan teori Puitika sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh bagi menghuraikan fakta dan dan menjelaskan dengan lebih terang mengenai kajian yang dilakukan.


#### **3.2.2.1 Teori Puitika Sastera Melayu**

Teori Puitika Sastera Melayu muncul pada tahun 1989 dan dianggap sebagai teori sastera tempatan Melayu pertama yang lengkap dan dibincangkan secara serius. Muhammad Haji Salleh merupakan pelopor kepada teori Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan (1989), bermula dengan syarahan pengukuhan beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia. Muhammad Haji Salleh bertitik-tolak dari tradisi persembahan Mak Yong dan bangsawan,

selampit dan wayang kulit. Beliau melihat kepentingan pentas terbuka sebagai ciri utama khalayak sastera Melayu tradisional sebagaimana digambarkan pada fungsi watak Pengasuh, Peran dan Jong Dondang, Pak Yong, atau peranan yang dimainkan oleh watak humor Pak Dogol, Wak Yah dan Samad dalam wayang kulit, begitu juga ciri penceritaan Yong Dollah dan Awang Batil selaku tukang cerita Melayu.

Muhammad Haji Salleh menafsir maksud karnival dan ciri festival Melayu tradisi sebagaimana Bakhtin mengenal seni dan kehidupan sebagai suatu dialog yang terbuka untuk mengatakan Chronotopes bersifat transkultural, mengatasi sifat sejarah itu sendiri. Idea sedemikian turut memberikan ilham terhadap konsep kesejagatan sastera. Beliau memahami bagaimana konsep dan nilai keintelektualan yang dapat diangkat sebagai konsep keindahan Melayu atau diistilahkan sebagai Puitika Sastera Melayu. Malahan Puitika Sastera Melayu difahami sebagai satu kaedah genre, ujaran yang indah-indah, memperbaharui pengarang dan khalayak di serambi pentas adalah bukti ujaran-ujaran melepasi daerah linguistik dan diperhatikan para antropologis Melayu sebagai satu nilai jati diri.

Teori Puitika Sastera Melayu berasaskan pada lapan aspek utama iaitu “Takrif dan Istilah”, “Fungsi Karya Sastera”, “Genre”, “Perkataan yang Indah-Indah”, “Teks”, “Memperbaharui Pengarang”, “Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu”, dan “Khalayak di Serambi Pentas”. Puitika Sastera Melayu adalah rumusan daripada hasil kepengarangan sastera tradisi Melayu. Keutamaan teori Puitika Sastera Melayu adalah pada tanggapan bahawa sastera tradisional Melayu telah mencapai kanonnya dan mempunyai ciri sastera yang boleh diteorikan (Mana Sikana, 2008: 27–29; Mana Sikana, 2013: 227).



Rajah 1: Kerangka Teori Puitika Sastera Melayu

### 3.2.2.2 Unsur Keindahan

Berdasarkan teori puitika melayu yang mengandungi ciri-ciri dan unsur-unsur keindahan, pengkaji menggunakan tiga daripada unsur keindahan. Unsur Keindahan yang digunakan dalam kajian ini antaranya keindahan di dasarkan kepada unsur dunia pengalaman yang sering menghadapi kesusahan, kesedihan dan kesengsaraan. Menurut Muhammad Haji Salleh, dunia sedemikian melakarkan manusia sebagai makhluk yang kerdil dan sementara yang berhadapan dengan alam yang keras dan tajam. Kesedihan itu mewujudkan satu perasaan yang lebih mendalam mengenai kehidupan dan menjadikan khalayak mengenai diri sendiri. Unsur ini bersesuaian dengan kajian ini kerana kehidupan masyarakat Melayu dahulu hidup dalam kesusahan namun sifat yang merendah diri dengan kekuasaan Allah telah menjadikan masyarakat Melayu mencapai kejayaan sehingga kini.

Seterusnya, unsur keindahan yang didasarkan kepada konsep bahawa sastera menceritakan mengenai kehidupan, mengajar dan membimbing khalayaknya dalam kehidupan harian. Hal ini kerana melalui karya sastera, khalayak dapat memperbaiki diri menjadi lebih baik dan memiliki ilmu pengetahuan mengenai kehidupan harian dan yang akan tiba. Sastera bukan sekadar sebagai hiburan malah terdapat banyak nilai murni yang terkandung dalam sesebuah teks sastera yang semestinya memberi tauladan dan didikan kerohanian masyarakat. Sebuah karya yang baik harus didaktik sifat dan tujuannya. Unsur keindahan berkait rapat dengan kajian ini kerana pengkaji menggunakan pantun dalam mengkaitkan pembayang padi yang membawa makna kehidupan masyarakat Melayu. Setiap

pantun memiliki fungsinya yang tersendiri termasuk juga menyampaikan nasihat dan didikan dalam kehidupan khalayak.

Seterusnya, unsur keindahan yang ketiga adalah keindahan itu sendiri yang asli. Menurut Muhammad Haji Salleh, keindahan asli ini adalah keindahan yang dikenali melalui turun temurun daripada masyarakat dahulu kala dan masih digunakan sehingga kini. Masyarakat dahulu kebanyakan adalah tergolong dalam kalangan orang yang kreatif kerana pada ketika dahulu, tiada sebarang barang canggih yang mudah seperti sekarang. Sekiranya mahu menanak nasi sekali pun memerlukan perkakas-perkakas yang pelbagai seperti mencari kayu, menyalakan unggun api, sentiasa memerhatikan keadaan masakan sehinggalah selesai dimasak. Oleh itu, pemikiran mereka yang digunakan seharian untuk meneruskan telah menjadikan mereka sedikit sebanyak memiliki akal fikiran yang tajam. Hal ini dibuktikan melalui pertuturan mereka yang berpuitis dalam mengungkapkan segala yang terniat dihati. Unsur ini membantu kajian ini melalui penggunaan pantun yang bersesuaian dengan kajian. Ini kerana pantun merupakan puisi yang sering digunakan pada suatu ketika dahulu dan masih digunakan sehingga kini. Sumber keasliannya ialah zaman silam dan titik bermulanya leluhur yang lebih dekat kepada kebijaksanaan. Keaslian ini jelas menjadi suatu unsur keindahan yang penting.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.3 Kesimpulan

Metodologi atau kaedah penyelidikan merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Setiap kajian yang dilakukan akan menjadi lengkap dan sahih apabila seseorang pengkaji itu mempunyai metodologi kajian yang sistematik dan bertepatan dengan kajian yang dilakukan. Hal ini kerana, berdasarkan metodologi yang digunakan ini, pengkaji tersebut akan memperoleh data dan menganalisisnya dengan lebih terperinci. Melalui metodologi kajian ini, para pengkaji dapat memperoleh data dengan mudah.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan. Berdasarkan topik kajian Interpretasi Padi Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu melalui *Teks Pantun Pak Nazel 101 Perkara*, terdapat dua objektif yang akan dijelaskan di dalam bab ini. Objektif pertama akan menerangkan mengenai konsep padi yang digunakan di dalam pantun. Padi merupakan tanaman yang tidak asing lagi bagi masyarakat Melayu serta padi juga merupakan makanan utama bagi masyarakat di seluruh asia. Manakala, objektif kedua pula akan menerangkan mengenai hubungkait makna padi dalam budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Padi merupakan tanaman yang wujud pada zaman dahulu lagi. Tanaman padi telah diusahakan pada zaman dahulu dan masih diteruskan sehingga kini. Malahan proses pembikinannya juga sudah tidak asing dalam kalangan masyarakat. Oleh kerana kewujudannya dari dahulu dan masih diusahakan sehingga kini telah menjadikan ianya sebagai suatu warisan. Begitu juga dengan tradisi dan budaya yang mana masyarakat memilikinya secara turun temurun dan masih ada masyarakat yang mengamalkan tradisi dahulu serta budaya dahulu masih diterapkan sehingga kini.



#### **4.1 Mengenalpasti Konsep Penggunaan Padi Dalam Pantun.**

Melalui kajian yang dijalankan oleh Johari Bin Yahaya bertajuk Pantun Peribahasa Melayu, ada dinyatakan bahawa pantun merupakan puisi tradisional yang sering digunakan pada zaman dahulu dan masih digunakan sehingga ke hari ini. Berbanding dengan puisi tradisional yang lain, pantun merupakan puisi tradisional yang paling banyak digunakan dan paling terkenal dikalangan remaja masa kini. Malah ramai dikalangan remaja yang bijak menggunakan pantun dalam kehidupan harian mereka. Manakala, padi pula merupakan makanan utama bagi masyarakat Melayu. Pengambilan padi sebagai makanan utama adalah tradisi daripada masyarakat dahulu dan masih diamalkan sehingga kini. Padi bukan sahaja menjadi pengambilan makanan utama bagi masyarakat Melayu malah masyarakat diseluruh Asia juga mengiktiraf padi sebagai makanan asas. Oleh kerana pantun dan padi memiliki persamaan melalui penggunaannya secara turun temurun, pengkaji ingin melihat apakah konsep penggunaan padi yang sering digunakan didalam penghasilan pantun.

##### **4.1.1 Konsep Padi Sebagai Unsur Alam**

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki bangsa dan budaya yang pelbagai dan setiap daripadanya sangat unik serta saling melengkapi. Walaupun memiliki perbezaan pandangan namun negara Malaysia dikatakan sebagai sebuah negara yang sangat menghargai alam. Masyarakat bukan sahaja menganggap alam sebagai sumber kehidupan

malah alam itu sendiri memiliki persamaan dalam pengertian kehidupan mereka. Persamaan yang dimaksudkan di sini adalah semua makhluk yang diciptakan memiliki jiwa. Semuanya memiliki jiwa, tidak terkecuali sama ada ianya hidup dan bergerak seperti manusia dan haiwan ataupun ianya hidup dan tidak bergerak seperti tumbuhan ataupun ianya tidak hidup dan tidak bergerak seperti gunung, sungai dan laut. Oleh itu, masyarakat berpendapat bahawa alam dan kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan malah kedua-duanya saling memerlukan.

Alam dan masyarakat melayu kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana melalui alam, masyarakat melayu belajar mengenali seluruh isi alam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan sehingga ke hari ini. Masyarakat melayu dan alam memiliki hubungan yang kukuh kerana kehidupan awal masyarakat melayu dahulu tertumpu di kawasan persisiran sungai dan kawasan hutan. Oleh kerana penempatan mereka dahulu tertumpu pada kawasan perairan dan memiliki tanah yang subur bagi proses pertanian maka aktiviti utama mereka pada ketika itu adalah pertanian. Hasil daripada tumbuh-tumbuhan dan sungai menjadi sumber makanan pada waktu itu. Oleh itu, masyarakat melayu sangat menghargai alam dan menjadikan alam sebagai simbol kehidupan.

Padi juga merupakan salah satu unsur alam yang banyak memberikan manfaat kepada kelangsungan hidup manusia kerana padi adalah sumber makanan yang lazim dalam kehidupan harian. Pengambilan padi merupakan perkara yang asas dalam kehidupan manusia kerana padi telah menjadi makanan terpenting bagi masyarakat Melayu daripada dahulu lagi sehingga kini. Masyarakat melayu menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri mereka. Alam sebagai sumber rezeki, sumber ekonomi, alam memberi pengajaran dan

panduan hidup. Oleh itu, dapat diertikan dengan konsep padi yang merupakan sumber rezeki masyarakat melayu.

Konsep padi dikatakan sebagai unsur alam menerangkan mengenai padi itu sendiri yang menjadi sumber makanan kepada masyarakat di seluruh dunia. Padi merupakan tanaman makanan yang sangat penting kerana beras masih digunakan sebagai makanan pokok bagi sebahagian besar penduduk dunia terutamanya Asia sehingga kini. Dalam masyarakat Melayu, unsur padi dianggap sebagai sesuatu yang sangat bermakna. Hal ini dikatakan sedemikian kerana punca rezeki masyarakat Melayu dahulu adalah berasaskan kepada kegiatan menanam padi dan penghidupan orang Melayu berkisarkan kepada perlakuan-perlakuan yang berkaitan dengannya.

Berdasarkan teori puitika sastera melayu, unsur keindahan yang dijelaskan didalam teori tersebut berkait rapat dengan pengertian padi iaitu unsur keindahan yang asli. Menurut Muhammad Haji Salleh yang merupakan pelopor kepada teori ini, unsur keindahan yang asli merupakan suatu keindahan turun temurun yang diperolehi daripada masyarakat dahulu dan masih digunakan pada masa kini. Teori ini dapat dikaitkan dengan unsur padi yang bersifat asli. Padi juga merupakan warisan turun temurun masyarakat Melayu yang masih digunakan sehingga kini. Padi merupakan makanan utama bagi masyarakat Melayu namun tidak sekadar dianggap sebagai makanan utama malah padi juga telah menjadi sebahagian besar daripada kehidupan masyarakat Melayu. Melalui padi, banyak keindahannya yang diperolehi dan memberikan pengertian kepada manusia. Misalnya, sekiranya dilihat melalui pertumbuhannya, padi tumbuh secara menunduk apabila ianya hampir masak. Perkara ini boleh diertikan sebagai sifat manusia yang perlulah sentiasa merendah diri dalam melakukan segala perkara. Meskipun memiliki pangkat yang tinggi atau orang terhormat, namun sikap

menundukkan diri ini sangat perlu diterapkan dan ianya juga merupakan salah satu budaya masyarakat Melayu. Bersesuaian dengan teori puitika tersebut iaitu keindahan yang asli. Keindahan yang dimiliki oleh penanaman padi dan dijadikan ikutan untuk membentuk diri menjadi lebih merendah diri dan berakhlak mulia. Berdasarkan pernyataan diatas, jelaslah bahawa padi merupakan unsur alam yang banyak memberikan manfaat kepada manusia dan merupakan sumber rezeki dalam kelangsungan hidup.

Selain itu, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Noraini Abd Shukor (2016) bagi melengkapkan tesis ijazah dari Universiti Malaya, beliau menerangkan mengenai unsur alam dalam kehidupan manusia. Beliau berpendapat bahawa hubungan masyarakat Melayu dengan alam sekitar merupakan hubungan yang kukuh. Ini kerana alam merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat Melayu. Kehidupan awal masyarakat Melayu tertumpu di kawasan persisiran sungai dan juga penerokaan kawasan hutan dan kegiatan utama yang mereka lakukan ialah pertanian. Hasil daripada sungai dan tumbuh-tumbuhan ini menjadi sumber makanan mereka pada waktu itu. Keakraban masyarakat Melayu dengan alam ini juga membuatkan mereka begitu sensitif dengan kejadian alam. Unsur alam dan kejadian yang berlaku dalam alam menjadi panduan dan iktibar kepada kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini bersesuaian dengan pengertian padi yang merupakan unsur alam yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada manusia. Malahan, padi juga telah menjadi tanaman yang sangat penting dalam membekalkan sumber makanan kepada manusia. Hal ini kerana, sumber tanah, air dan iklim di Malaysia bersesuaian dengan pertumbuhan padi.

Melalui buku *pantun pak nazel 101 perkara*, padi dijadikan sebagai pembayang pantun dan juga menjelaskan mengenai padi sebagai unsur alam yang memiliki tanaman yang subur di tanah Melayu terutamanya negeri Kedah. Hal ini dapat dilihat dalam pantun berikut:

Menanam **padi** di negeri Kedah,  
Setelah diuji benih diserah,  
Tidak berbantah terima penerangan,  
Jelapang **padi** tanah pamah,  
Syurga Khuldi dibuat indah,  
Daripada marjan kuning merah,  
Menurut perintah menjauh larangan,  
Syurga Khuldi menjadi rumah.

*(Pantun Pak Nazel 101 Perkara, 204)*

#### **4.2 Menghubungkan Makna Padi dalam Budaya dan Tradisi Masyarakat Melayu.**

Budaya merupakan suatu gaya hidup yang berkembang dalam suatu kelompok atau masyarakat dan diwarisi secara turun temurun dari generasi ke generasi (P. Nolan, 1999). Manakala tradisi pula adalah kebiasaan yang dilakukan sejak lama dan secara terus menerus yang telah menjadi bagian kehidupan masyarakat sehingga ke hari ini. Dapat diertikan juga bahwa tradisi adalah warisan sosial yang mampu bertahan sehingga kini. Begitu juga dengan pantun, yang mana pantun merupakan tradisi turun temurun dari generasi dahulu sehingga ke hari ini. Meskipun negara semakin maju dengan arus permodenan yang pelbagai namun penggunaan pantun tidak dilupakan begitu sahaja. Malah, pantun juga melambangkan

masyarakat yang bijak dan kreatif dalam pertuturan. Pantun adalah warisan bangsa melayu masih diamalkan penggunaannya dalam kalangan masyarakat serta ianya juga sering digunakan dalam pelbagai acara seperti majlis pernikahan, majlis rasmi, pertandingan-pertandingan malah ada segelintir remaja yang menggunakan pantun dalam berkomunikasi. Penggunaan pantun adalah bertujuan untuk mengekalkan warisan negara serta mewujudkan keindahan dalam penyampaiannya. Ramai masyarakat yang bijak menggunakan pantun dalam berkomunikasi namun adakah mereka tahu konsep ‘pembayang’ yang digunakan di dalam pantun. Oleh itu, objektif kedua ini akan menerangkan mengenai konsep penggunaan ‘pembayang’ iaitu padi dalam pantun.

#### **4.2.1 Budaya Masyarakat Melayu Berbudi**

Pengertian budaya menurut Rohana Yusof (2010), seorang sarjana dalam bidang sosiologi, beliau melihat budaya sebagai segala cara hidup manusia yang berdasarkan kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan ialah hasil ciptaan manusia yang berbentuk objek seperti penghasilan, pengendalian, serta penggunaan barangan yang dikaitkan dengan nilai-nilai moral dan berdasarkan kepada agama, peraturan-peraturan serta etika. Manakala, bukan kebendaan pula merangkumi hasil cipta manusia yang berbentuk abstrak seperti adat resam, kepercayaan pantang larang dan sebagainya. Meskipun budaya berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain namun ianya mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu perubahan, dipelajari, dikongsi bersama dan bernilai integratif. Perubahan ialah proses di mana bahagian-bahagian aspek budaya itu mengalami pengubahsuaian dari

masa kesemasa dan mengikut keadaan. Dipelajari pula adalah segala bentuk tingkahlaku, adat resam yang menjadi ikutan masyarakat yang diikuti oleh individu adalah bukan daripada nalurinya tetapi setiap satunya adalah dipelajari daripada proses pembelajaran. Dikongsi bersama iaitu setiap budaya dikongsi oleh satu kumpulan manusia. Contohnya, bahasa sebagai simbol yang dikongsi bersama oleh masyarakat untuk tujuan berkomunikasi antara satu sama lain. Bernilai integrasi adalah seperti masyarakat yang disepadukan oleh sesuatu ciri budaya yang mempunyai nilai integriti. Contohnya, kegemaran pada sesuatu jenis makanan adalah ciri budaya yang mana makanan inilah membawa anggota masyarakat bersama.

Setiap pantun yang dihasilkan perlulah memiliki ‘pembayang’ yang akan menjelaskan maksud pantun tersebut. Menurut salah seorang pengkaji pantun iaitu Philip L. Thomas, beliau menjelaskan bahawa pasangan baris pertama pantun menerangkan mengenai ‘pembayang maksud’ atau beliau menyebutnya ‘pendahulu niat’. Kemudian beliau melanjutkan lagi penjelasan beliau dengan menyatakan pasangan baris kedua pula menerangkan mengenai ‘maksud’ atau ‘niat’. ‘Pembayang maksud’ atau dikenali sebagai sampiran adalah bahagian yang biasanya terdapat pada baris pertama dan kedua pantun (berdasarkan pantun empat kerat). Kedua bahagian ini dikatakan ‘pembayang maksud’ kerana bahagian ini merupakan kiasan bagi maksud yang ingin disampaikan. Kiasan merupakan suatu kata yang berlapik bagi menyampaikan sesuatu maksud tanpa menyatakan maksud tersebut secara terus dan jelas. Hal ini kerana pantun memiliki keindahan dalam melontarkan kata dan itulah yang menjadikan pantun dilihat menarik dan masih kekal relevan pada masa kini. Malahan, dengan adanya bahasa kiasan telah menjadikan pantun sebagai lambang masyarakat Melayu yang berfikiran kritis serta memperlihatkan puisi Melayu yang

menarik. Bahasa kiasan dapat melatih masyarakat untuk berfikir dengan lebih bijak dan kreatif dalam berkomunikasi. Malahan, kata kiasan yang terdapat di dalam pantun juga adalah lambang kesantunan masyarakat Melayu dahulu dalam berbahasa.

‘Maksud’ atau dikenali sebagai isi pantun biasanya dapat dilihat pada baris ketiga dan keempat. Pada baris ini, pengarang akan menjelaskan makna kepada ‘pembayang’ yang diberikan pada baris pertama dan kedua. Bagi ‘maksud’ ini juga sama pentingnya bagi memastikan ‘pembayang’ yang diberikan bersesuaian dengan ‘maksud’ yang dinyatakan. ‘Pembayang maksud’ yang sama maknanya dengan ‘maksud’ yang disampaikan di dalam pantun barulah dikatakan indah dan cantik dengan nada yang seolah terang namun sengaja dilindung atau dikiaskan. Berdasarkan pantun yang menjadikan padi sebagai pembayang melalui buku pantun Pak Nazek 101 perkara banyaknya menerangkan mengenai budi. Antaranya:

Turun meredah pokok **padi,**

Kanan kiri pokok empelas,

Kalau sudah termakan **budi,**

Beriltizam diri untuk membalas.

*(Pantun Pak Nazek 101 Perkara, 42)*

Berdasarkan pantun tersebut, dapat dilihat melalui pembayang ‘padi’ yang digunakan bagi menyampaikan makna ‘budi’. Pembayang yang terdapat di dalam pantun ini adalah baris pertama dan kedua yang berbunyi “turun meredah pokok padi/kanan kiri pokok



empelas”. Erti daripada “turun meredah” mengikut pengarang adalah pesawah turun ke sawah dengan mengharungi atau melintasi manakala “pokok padi” pula merupakan suatu ciri nyata dalam masyarakat melayu dan sangat penting dalam kehidupan. Padi juga mempengaruhi pemikiran dan perlakuan masyarakat serta membina tradisi masyarakat Melayu yang kukuh melalui kegiatan menanam padi.

Baris kedua “Kanan kiri pokok empelas” menerangkan mengenai persekitaran sawah padi itu yang terdapat banyak pokok empelas di kanan dan kiri sawah. Pokok empelas merupakan tumbuhan liar yang tumbuh di kawasan belukar. Tumbuhan ini merupakan tumbuhan yang tidak disukai oleh petani kerana ia mengambil ruang, nutrien makanan, air dan menjadi perumah kepada perosak tanaman. Namun, tumbuhan ini juga memiliki kegunaannya. Daunnya berfungsi sebagai kertas pasir yang mampu menghasilkan kualiti ukiran bermutu. Malah ada juga masyarakat dahulu yang menggunakannya untuk melicinkan kuku. Selain itu, serbuk yang dihasilkan daripada daun empelas kering boleh digunakan untuk merawat radang. Pokok ini juga boleh menghasilkan salap untuk meredakan selesema. Air rebusan daripada daun empelas yang matang atau tua boleh merawat penyakit darah tinggi. Walaupun pokok empelas ini tidak disukai oleh para petani kerana boleh merosakkan tumbuhan mereka namun tumbuhan ini juga memberi banyak kegunaan kepada masyarakat.

Seterusnya, maksud kepada pembayang dapat dilihat pada baris ketiga dan keempat yang berbunyi “kalau sudah termakan budi/ beriltizam diri untuk membalas”. Bunyi rima akhir yang menjadi persamaan bagi baris pertama ”padi” dan baris ketiga “budi” memiliki makna yang hampir serupa. Budi merupakan suatu sikap yang dapat diertikan sebagai sikap yang baik terhadap orang lain. Budi juga merupakan sikap masyarakat Melayu daripada dahulu lagi. Masyarakat dahulu sangat mementingkan sikap berbudi dalam kehidupan harian

mereka. Kepentingan sikap berbudi ini juga bukan sekadar dalam kalangan masyarakat Melayu sahaja namun seluruh negara juga mengangkat sikap ini seperti slogan kebangsaan negara yang berbunyi ‘budi bahasa budaya kita’. Ini dapat dijelaskan bahawa sikap berbudi amat dituntut oleh seluruh masyarakat sehinggakan mampu menjadi amalan pada masa kini serta sikap ini juga diturun dari generasi tua ke generasi muda.

Baris keempat yang berbunyi “beriltizam diri untuk membalas” sangat bersamaan dengan pengertian “pokok empelas”. Selain daripada bunyi rima akhirnya yang sama, maksud “membalas” itu juga sama dengan pembayang “pokok empelas” iaitu pokok empelas dikatakan perosak tanaman lain kerana mengambil ruang, nutrien makanan, air dan sebagainya daripada tumbuhan lain namun pokok ini juga membalas dengan memberikan kebaikan dalam penggunaan pokok itu. Oleh itu, sifat pembayang ini bersesuaian dengan maksud kepada pembayang tersebut iaitu “membalas”.

Budi dilihat melalui kepentingannya dalam memenuhi budaya masyarakat Melayu. Hal ini kerana budaya memiliki hubungan erat dengan masyarakat. Budaya mencerminkan aspek kemanusiaan secara keseluruhan. Demikian pembayang “padi” dan “budi” yang dinyatakan diatas sama pentingnya dalam kehidupan masyarakat. Kedua-duanya memberikan manfaat dan kebaikan dalam kehidupan harian. Malahan kedua-duanya juga merupakan budaya dan tradisi masyarakat Melayu turun temurun yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Kedua-duanya sama penting dan diperlukan untuk menjalinkan kehidupan yang harmoni.

Berdasarkan teori puitika sastra Melayu yang di pelopori oleh Muhammad Haji Salleh, terdapat unsur keindahan yang dikaitkan di dalam bahagian ini iaitu unsur keindahan

yang didasarkan kepada konsep bahawa sastera menceritakan mengenai kehidupan, mengajar dan membimbing khalayaknya dalam kehidupan harian. Seperti yang kita tahu, sastera dapat memupuk nilai murni dalam diri setiap individu melalui penghayatan keatas karya yang dihasilkan. Hal ini kerana sastera menceritakan mengenai perihal kehidupan. Dengan begitu, khalayak dapat mempelajari akibat atas kesan keatas sesuatu perbuatan meskipun tanpa perlu melakukannya terlebih dahulu kerana segalanya telah tercatat di dalam karya sastera. Khalayak dapat menjadi suatu kejadian itu sebagai iktibar atau contoh teladan sebagai ikutan. Melalui pantun tersebut, unsur keindahan dapat dilihat melalui amalan masyarakat yang berbudi. Masyarakat dapat mempelajari mengenai kepentingan berbudi sesama manusia dan kebajikannya dalam kehidupan. Khalayak juga dapat mengetahui bahawa manusia perlulah menghargai bantuan atau sumbangan seseorang dengan berhajat untuk membalasnya kembali. Malahan, budi bukan sahaja suatu perbuatan yang boleh dipandang remeh kerana budi adalah lambang masyarakat berjasa dan masyarakat perlulah menerapkan nilai membalas budi dalam diri setiap individu. Sebagaimana yang dijelaskan di dalam buku *pantun pak nazel 101 perkara* yang menerangkan mengenai kepentingan membalas budi seperti:

Pak Kasim dengan rajinnya,

Menyulam padi menggetus meranti,

Kemarau musim ada hadnya,

Kemarau **budi** bawa ke mati.

(*Pantun Pak Nazel 101 Perkara*, 41)

#### 4.2.2 Budaya Masyarakat Melayu Tidak Kufur Nikmat

Nikmat merupakan suatu kesenangan, kemudahan, keselesaan yang dapat mewujudkan perasaan yang gembira terhadap seseorang yang ditakdirkan untuk menerimanya. Selalunya manusia akan memiliki nikmat setelah mengharungi segala rintangan dan cabaran. Pendek kata, nikmat adalah hadiah keatas segala sesuatu yang telah diusahakan. Nikmat dikurniakan keatas seseorang yang layak menerimanya dan setiap nikmat yang diberikan adalah mengikut kesesuaian keadaan dan situasi seseorang. Nikmat adalah bersifat secara luas iaitu ianya tidak sekadar fokus kepada beberapa keadaan sahaja malah setiap perkara pasti ada nikmatnya yang tersendiri. Namun begitu, ramai manusia yang masih mensia-siakan nikmat yang diberikan antaranya nikmat sihat dan waktu lapang. Kedua nikmat ini sering kali di pandang remeh oleh ramai orang dan perbuatan tersebut boleh menjadikan seseorang itu tergolong dalam kalangan manusia yang kufur dengan nikmat yang dikurniakan keatasnya. Oleh itu, setiap manusia perlulah bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan dan menjadikannya sebagai suatu keindahan dalam diri setiap individu.

Syukur pula adalah sebahagian daripada nilai-nilai ajaran Islam yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Ucapan alhamdulillah adalah simbol dari kewujudan rasa syukur. Bukan sekadar masyarakat yang beragama islam sahaja yang dididik dengan memiliki perasaan ini malah setiap agama juga mendorong penganutnya untuk memiliki perasaan syukur dalam diri setiap individu. Syukur bukanlah sekadar hanya di ucapkan namun ianya perlu dibuktikan dengan mempratikkan di dalam kehidupan. Makna syukur adalah menzahirkan rasa gembira dan kepuasan dalam diri dengan segala nikmat yang

dikurniakan. Bukan sahaja nikmat malah setiap dugaan dan cabaran yang diberikan perlu diterima dengan hati yang ikhlas dan syukur kerana setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya yang tersembunyi iaitu setiap yang berlaku pasti ada kebaikannya pada diri setiap individu. Oleh itu, sikap bersyukur amat dituntut dalam kehidupan untuk mewujudkan suasana hati yang harmoni dan gembira dengan nikmat dan dugaan yang diberikan. Kemampuan bersyukur adalah salah satu bentuk dari kecerdasan spiritual yang akan membantu seseorang memiliki kekuatan dalam menghadap pelbagai persoalan dalam kehidupan sehingga kemampuan bersyukur akan membuat manusia tegar dalam setiap situasi yang dihadapi sebagai bentuk keyakinan kepada Allah SWT yang Maha kuasa.

Masyarakat yang tidak kufur nikmat adalah masyarakat yang bersyukur. Sikap syukur ini merupakan sikap yang dituntut dari dahulu lagi. Malahan masyarakat Melayu dahulu sering mempraktikkan dalam kehidupan mereka. Walaupun mereka tidak memiliki kehidupan yang senang dan mewah tetapi mereka sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan. Masyarakat dahulu menjadikan sikap bersyukur sebagai budaya masyarakat Melayu kerana melihat dari keadaan masyarakat dahulu yang bijak menggunakan segala sumber alam bagi membantu kelangsungan hidup mereka. Seperti yang kita tahu, masyarakat dahulu menggunakan kayu bagi menghasilkan unggun api untuk kegunaan masakan. Malahan mereka juga menggunakan tumbuh-tumbuhan dalam penghasilan tempat tinggal mereka seperti buluh dalam pembinaan rumah dan banyak lagi ciptaan yang digunakan melalui sumber alam bagi membantu kelangsungan hidup mereka. Sikap mereka ini telah membuktikan bahawa dengan syukur atas segala nikmat dapat membantu masyarakat memiliki kehidupan yang lebih bahagia tanpa perlu membandingkan kehidupan dengan

masyarakat yang lain. Malahan. Dengan bersyukur dapat membuat seseorang itu merasa cukup dengan kehidupannya meskipun dia memiliki kehidupan yang sederhana.

Berdasarkan buku pantun Pak Nazel 101 perkara, terdapat pantun yang menjelaskan mengenai perihal bersyukur dengan nikmat yang diberikan iaitu:

Menanam padi dengan cermat,

Lapang dada siap sehari,

Jangan menjadi kufur nikmat,

Harta benda menipu diri.

*(Pantun Pak Nazel 101 Perkara, 145)*

Berdasarkan pantun di atas yang dipetik di dalam buku pantun Pak Nazel 101 perkara, dapat dilihat bahawa pentingnya sikap bersyukur dalam diri setiap manusia sama juga pentingnya dengan tanaman padi terhadap manusia. Tanaman padi merupakan tanaman yang tidak asing lagi bagi masyarakat Melayu dan juga manusia di seluruh Asia. Meskipun tanaman ini merupakan tanaman yang sering dilakukan oleh para petani namun tanaman ini perlulah dilakukan dengan cermat dan tersusun agar dapat menghasilkan isi yang berkualiti.

Padi merupakan tanaman yang paling terbesar dan dikenali oleh orang ramai. Malahan, cara penanamannya juga tidak begitu asing dengan masyarakat meskipun tidak diketahui dengan lebih teliti namun kebanyakan orang tahu bahawa padi memiliki dua musim iaitu musim bersawah dan musim menuai. Musim bersawah adalah musim bagi para pesawah untuk melakukan proses penanaman padi seperti penyediaan tapak semaian, penyediaan benih padi dan mengerjakan sawah (membajak, menyisir, menggiling tanah,

memindahkan anak padi dari tapak semaian, menanam padi dan penjagaan). Setelah selesai menjalankan segala proses penanaman padi semasa musim bersawah, maka akan tibalah musim yang ditunggu-tunggu oleh para pesawah iaitu musim menuai. Musim ini merupakan pengakhiran kepada proses penghasilan padi yang mana pada musim ini padi yang sudah matang akan di ambil dan dihantar ke kilang bagi menjalankan proses penghasilan beras.

Melalui proses penghasilan padi berdasarkan kedua-dua musim tersebut dapat dilihat bahawa untuk menghasilkan padi yang sihat, ia memerlukan kerja yang kuat dan rajin. Namun begitu, tidak semua proses penanaman padi memiliki penghasilan yang baik malah terdapat juga padi yang tidak dapat diambil oleh kerana berlakunya beberapa kemusnahan keatas penghasilannya. Padi tidak dapat tumbuh sihat dan cantik sekiranya pesawah yang mengerjakannya tidak bersungguh-sungguh dan teliti dalam pekerjaannya. Padi yang telah melalui proses penanaman yang baik perlulah sentiasa dipantau bagi menjamin keadaannya terjaga dan dijauhkan dari pelbagai penyakit dan kerosakan. Segala kemusnahan yang membawa kepada kerosakan padi perlu dielakkan dan dihentikan dengan pelbagai cara seperti meletakkan ‘orang-orang’ dikawasan padi bagi mengelakkan kehadiran binatang-binatang yang boleh mengganggu pertumbuhan padi. Pesawah juga boleh menggunakan racun penyakit yang disyorkan dengan menyembur racun tersebut sekiranya terdapat kesan serangan pada peringkat awal. Kesan serangan penyakit ini sering timbul ketika padi hampir matang maka para pesawah disyorkan untuk membuat pemantauan penyakit secara berterusan.

Penerangan ini bersesuaian dengan baris pertama pantun diatas iaitu “menanam padi dengan cermat”. Berdasarkan penerangan tersebut, pengarang ingin mengetengahkan proses penghasilan padi perlulah dilakukan secara cermat, teliti dengan penuh kesabaran bagi

mendapatkan hasil yang baik. Perkara ini bersesuaian dengan baris pantun yang ketiga iaitu “jangan menjadi kufur nikmat”. Seperti yang dinyatakan diatas, manusia perlulah sentiasa bersyukur dengan segala nikmat yang dikurniakan keatasnya. Hal ini kerana dengan bersyukur manusia dapat memupuk kepuasan keatas rezeki atau nikmat yang dikurniakan. Kufur nikmat merupakan satu perbuatan yang tidak disukai oleh Allah kerana nikmat merupakan pemberian Allah kepada hambanya sebagai satu penghargaan dan juga kesenangan bagi kehidupan hambanya. Namun, manusia seringkali tidak menyedari nikmat yang dikurniakan. Malah manusia masih lagi menyoalkan ujian yang diberi kepadanya tetapi tidak menyedari dan mensyukuri segala nikmat yang dimilikinya. Oleh itu, perbuatan yang tidak mensyukuri atau menghargai nikmat yang dimilikinya di sebut kufur nikmat dan ianya adalah perbuatan yang buruk. Dalam mendidik diri mensyukuri nikmat, manusia perlulah sentiasa menjadikan nilai positifiti sentiasa dipupuk di dalam diri mereka sendiri. Meskipun terkadang perbuatan tersebut sukar dilaksanakan kerana manusia itu diciptakan tidak sempurna dan sentiasa memiliki kekurangan namun manusia perlulah berusaha memaksa diri agar terbiasa dengan sifat bersyukur bagi mencapai tahap kesyukuran yang tinggi terhadap segala nikmat yang diberikan.

Kedua baris tersebut bersesuaian kerana keduanya mengajar diri manusia untuk bersabar dan bersungguh-sungguh. Seperti baris pertama, manusia perlulah bersungguh-sungguh dalam penghasilan padi agar padi dapat terhasil dalam keadaan yang baik dan mencapai kesihatan yang memuaskan. Kesungguhan pesawah juga perlulah sejajar dengan nilai kesabaran yang tinggi dalam diri pesawah kerana penghasilan padi memerlukan tempoh penghasilan yang lama serta perlu melakukan pekerjaan yang banyak. Sekiranya seorang pesawah itu tiada kedua-dua sikap ini atau pun tiada salah satu daripadanya maka padi yang



dihasilkan akan memiliki beberapa masalah atas pertumbuhannya dan memungkinkan padi tersebut tidak memiliki hasil yang baik dan memuaskan. Begitu juga dengan baris yang ketiga yang mana bagi memupuk nilai syukur dalam diri seseorang, mereka perlulah memiliki nilai kesabaran yang tinggi kerana manusia itu sentiasa melakukan kesalahan maka mereka perlulah bersabar dengan nikmat yang akan diberikan. Oleh kerana nikmat sentiasa hadir setelah kedukaan maka bagi menempuh kedugaan tersebut untuk mencapai nikmat sebaliknya perlulah dilalui dengan kesabaran keatas ujian dan dugaan yang diterima. Manusia juga perlulah bersungguh-sungguh dalam mendidik diri mereka untuk memiliki sikap bersyukur. Hal ini kerana sekiranya sikap bersyukur tidak diberikan perhatian dan dianggap penting maka ianya boleh mengakibatkan seseorang itu merasa tidak cukup dengan nikmat Allah dan akan menjurus kepada seseorang yang bersifat kufur nikmat.

Jelaslah bahawa bagi mencapai nilai kesyukuran yang tinggi dalam diri setiap individu maka mereka perlulah memiliki sikap bersabar dan bersungguh-sungguh agar mereka lebih bersyukur dan menghargai segala nikmat yang dikurniakan. Dengan itu, manusia dapat mengelakkan diri dari tergolong dalam golongan kufur nikmat serta menjamin kehidupan yang lebih indah dan bahagia. Setiap kehidupan yang diterapkan rasa cukup atas segala nikmat pasti dapat sedikit sebanyak menjentik hati untuk meletakkan harapan dan redha atas kekuasaan Allah S.W.T.

Berdasarkan teori puitika sastera melayu yang dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh, unsur Keindahan yang dilihat dalam konteks kesyukuran ini adalah keindahan yang di dasarkan kepada unsur dunia pengalaman. Masyarakat dahulu hidup dalam kesusahan dan perlu bekerja keras bagi mendapatkan sesuap nasi. Kehidupan dahulu dikatakan kais pagi makan pagi kais petang makan petang yang mana mereka perlu mengerahkan tenaga demi

mencari rezeki. Oleh kerana tiada kemajuan teknologi seperti kini, mereka perlu melakukan segala pekerjaan dengan lebih keras dan ringan tulang bagi menyelesaikan kerja dengan baik. Keperitan hidup dahulu sekiranya di turunkan kepada generasi kini nescaya mereka tidak akan mampu melakukannya kerana masyarakat kini terdedah dengan teknologi yang menjadi satu kemestian dalam hidup. Walaupun kehidupan dahulu perit dan sarat dengan kesusahan namun mereka sabar dan bersyukur dengan segala dugaan yang diberikan. Malahan, banyak ciptaan-ciptaan yang mampu mereka hasilkan meskipun bukan berada pada zaman moden. Kehidupan mereka yang susah dan usaha untuk meneruskan hidup telah menjadikan mereka sebagai sebuah masyarakat yang bijak dan kreatif dengan menggunakan segala nikmat pemberian tuhan untuk mempermudah segala urusan mereka. Kini, negara semakin berkembang maju dan masyarakat tidak lagi perlu melakukan segala pekerjaan dan hanya memfokuskan kerja yang bersesuaian dengan bidang masing-masing sahaja. Dengan itu, masyarakat dapat menghayati keindahan yang dirasai setelah segala keperitan yang ditempuhi dan akhirnya menjadikan masyarakat bersyukur dengan segala nikmat tuhan. Melalui perasaan syukur inilah, masyarakat dapat menjalani kehidupan yang lebih harmoni dan bahagia dengan segala sesuatu yang dimiliki tanpa perlu mempersoalkan kewujudannya. Dengan itu, keindahan hidup dapat dirasai dan dihayati agar dapat dijadikan pedoman dalam diri.

#### 4.2.2 Tradisi Masyarakat Melayu Merisik

Dunia ini adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita solehah (HR. Muslim dari Abdullah Ibn Amr). Untuk menjadi seorang wanita yang solehah antaranya dengan memiliki sifat yang lemah lembut dalam segala hal sama ada pertuturan, pergaulan dan sebagainya. Namun, ketegasan juga perlu ada disebalik kelembutan itu. Ini boleh diumpamakan seperti bunga mawar yang indah dan cantik dipandang serta dapat menghasilkan haruman wangi yang menyegarkan. Bunga mawar dikatakan sebagai lambang cinta dan semangat kerana dipercayai bahawa bunga mawar boleh meningkatkan inspirasi, mood dan memberikan perasaan yang positif malah sekiranya harumannya dihirup dengan lebih kerap boleh mengakibatkan seseorang itu menjadi lebih tenang. Walaupun begitu, bunga mawar juga tidak mudah untuk dipetik oleh kerana badannya yang berduri tajam. Memetiknyai perlulah dengan berhati-hati bagi mengelakkan berlakunya sebarang luka dan kecelakaan.

Sebagaimana terciptanya wanita, wanita juga dikenali sebagai masyarakat yang kaya dengan sifatnya seperti lemah lembut, dipimpin, sopan santun dalam pertuturan, pemakaian serta banyak lagi perkara yang menggambarkan kelembutan dan kesopanan. Perkara tersebut dikenali sebagai stereotaip wanita iaitu sekiranya sebut sahaja tentang wanita pasti sikap yang dibayangkan seperti yang sedemikian. Namun begitu, meskipun wanita dilihat sebagai masyarakat yang lembut dan sopan, bukan bererti mereka tidak mampu untuk membela diri mereka. Malahan wanita juga memiliki satu semangat yang kuat dalam diri mereka. Sebagai contoh, wanita yang bergelar janda atau anak dara tua dilihat ramai dikalangan mereka yang kuat menempuh segala cabaran meski tiada lelaki disamping mereka.

Selain itu, dalam lemah lembut mereka terselit juga ketegasan untuk memastikan mereka tidak dipandang remeh. Oleh itu, wujudnya wanita yang dipandang cerewet, perasaan mereka yang sukar difahami serta satu nekad yang tinggi dalam diri mereka sehinggakan wanita terkenal dengan slogan “wanita selalu benar”. Walaupun begitu, mereka tetap tidak dapat menafikan bahawa manusia dijadikan dengan berpasang-pasangan serta kehidupan akan lebih bahagia sekiranya ada lelaki yang sanggup menjadi peneman dalam hidup mereka. Walau dilihat kuat dimata dunia namun mereka tetap bersikap lemah dihadapan pasangan mereka malah kehidupan berpasangan juga dapat melatih diri menjadi lebih memahami serta segala lelah dapat dikongsi bersama. Masyarakat berpendapat bahawa wanita akan kurangnya garang, cerewet dan bersikap lebih matang setelah melangkah ke dalam alam perkahwinan. Hal ini kerana proses perkahwinan merupakan proses pembelajaran mengenai kehidupan serta mengajar seseorang itu agar dapat memiliki sikap bertolak ansur dan saling memahami.

Tradisi merupakan suatu perkara atau tingkah laku yang dilakukan secara turun temurun dari masyarakat dahulu sehingga kini. Banyak tradisi yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Malahan terdapat juga sebahagian daripada masyarakat yang menjadikan tradisi sebagai suatu yang paling utama diatas sesuatu perkara. Tradisi diadakan mengikut kepercayaan sesuatu kaum itu sendiri. Ada yang menganggap tradisi sebagai suatu upacara yang menjamin keamanan dan ada juga menganggap tradisi sebagai suatu warisan lama yang perlu diteruskan bagi menggambarkan identiti masyarakat dahulu. Terdapat banyak tradisi dahulu yang masih diamalkan seperti cukur jambul. Cukur jambul memiliki beberapa kaedah dan kaedah perlaksanaannya berbeza mengikut negeri itu sendiri. Walaupun berbeza namun tujuannya adalah sama. Begitu juga dengan tradisi merisik, tradisi ini sudah

sekian lama diamalkan dan masih ada masyarakat yang mengamalkannya. Merisik bukan sahaja suatu tradisi malah ianya juga dianggap sebagai suatu adat yang menggambarkan budaya masyarakat Melayu beradab. Merisik merupakan suatu tinjauan yang dilakukan oleh pihak lelaki untuk mengetahui sama ada wanita tersebut sudah berpunya atau tidak. Ianya merupakan suatu pengalaman yang manis dan indah.

Melalui buku pantun Pak Nazel 101 perkara, terdapat pantun yang menyatakan mengenai pemilihan terhadap wanita yang ingin dinikahi. Pantun tersebut berbunyi:

Ada kereta ada lori,

Itu tuan kilang padi,

Jangan buta memilih isteri,

Asalkan perempuan semuanya menjadi.

*(Pantun Pak Nazel 101 Perkara, 48)*

Berdasarkan pantun di atas, pengarang ingin mengetengahkan mengenai pemilihan terhadap bakal isteri untuk dijadikan suri hati sang suami. Masyarakat kini terdedah kepada kebebasan yang berleluasa diantara lelaki dan perempuan. Tidak seperti masyarakat dahulu yang dikenali penuh dengan sifat malu dalam diri mereka. Wanita pada masa dahulu sentiasa menuruti perintah ibu bapa mereka sehinggakan dalam perkahwinan juga jodoh mereka dicari oleh keluarga dan memupuk percintaan setelah bernikah. Zaman berganti zaman telah mengubah dunia begitu banyak perkara sehinggakan tradisi dahulu dipandang kuno dan tiada kepentingannya kepada orang ramai. Malah sifat malu yang dijadikan perisai para wanita

juga sudah semakin luntur. Wanita kini tidak lagi dilihat sebagai masyarakat yang lemah dan hampir kesemua kemampuan lelaki dapat mereka lakukan. Namun setiap yang terjadi pasti ada kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Berdasarkan perubahan positif para wanita adalah menjadikan kemampuan wanita semakin dipandang dan diakui pada masa kini namun keburukannya adalah semakin hari perasaan malu dalam diri mereka semakin terhakis terutamanya dalam kalangan remaja masa kini. Perasaan malu adalah penting dalam diri setiap individu terutamanya wanita kerana malu adalah lambang wanita solehah. Malah wanita juga dilihat sopan dengan adanya rasa malu dalam diri mereka. Oleh itu, para lelaki yang ingin berhijrah ke alam perkahwinan perlulah meneliti dahulu wanita bagaimanakah yang ingin dijadikan peneman hidup mereka dan bukanlah hanya sekadar sedap mata memandang sahaja. Rasulullah pernah berpesan dan dicatatkan di dalam hadis yang berbunyi “wanita dikahwini kerana empat hal: kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana cantiknya dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu pilih kerana agamanya, sebab kalau tidak demikian, nescaya kamu akan celaka”. (Hadith Shahih Riwayat Bukhari 6:123, Muslim 4:175). Melalui agama, wanita akan lebih menjaga diri dan maruah dengan menyuburkan sifat malu dalam diri setiap daripada mereka kerana agama mengajar mengenai pentingnya menjaga maruah dan penerapan sifat malu di dalam diri setiap insan terutamanya para wanita.

Selain daripada sifat malu yang menjadi lambang wanita solehah, masyarakat wanita dahulu juga dilihat sebagai masyarakat yang bersopan santun dalam pertuturan, pergaulan, pekerjaan dan segala hal yang mereka lakukan. Sikap bersopan santun dalam diri mereka bukanlah dibuat-buat namun ianya adalah sikap asli bagi wanita. Sebut sahaja tentang wanita pasti gambaran yang dibayangkan adalah seorang yang pemalu, sopan santun, lemah lembut dan sebagainya. Berbeza dengan masyarakat kini yang sukar menjelaskan seperti apa wanita

itu. Terkadang wanita dilihat pemalu namun percakapannya kasar dan gayanya juga tidak begitu sopan, terkadang dilihat lemah lembut orangnya namun tidak sopan dalam berpakaian dan ada juga wanita yang kasar akhlak dan pertuturannya namun dia seorang yang penyayang dan baik hati. Oleh kerana stereotaip wanita itu telah dimusnahkan jadi sukar bagi lelaki untuk memilih calon isteri tanpa mengenalinya terlebih dahulu. Maka wujudlah ‘taaruf’ iaitu proses dimana lelaki dan perempuan mengenali hati budi masing-masing mengikut cara islam. Sekiranya mengikuti cara islam dengan betul maka hubungan mereka akan kearah yang betul dan dijauhi dari segala larangan Allah namun sekiranya disalah ertikan maka perkara yang tidak baik boleh terjadi. Sepanjang tempoh ‘taaruf’, wanita dan lelaki perlulah bersikap sopan dan tidak melebihi-melebih dalam berkenalan. Dengan cara ini, kesopanan dalam diri seorang wanita itu akan terjaga dan akan dipandang tinggi akhlaknya.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Abd. Ghani berjudul ‘Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu’ ada dinyatakan mengenai adat merisik. Beliau berpendapat bahawa perkahwinan merupakan ikatan yang suci dan agung dalam kehidupan manusia. Justeru menjejaki gerbangnya, lebih elok sekiranya melalui liku-liku yang penuh beradat. Merisik merupakan adat perkahwinan Melayu yang telah diamalkan sejak turun temurun. Tujuan utama adat ini diamalkan ialah untuk pihak lelaki bertanya status pihak perempuan sama ada sudah mempunyai atau tidak, bersuai kenal dan “menyiasat” sedikit sebanyak perihal gadis yang ingin disunting mereka sebagai menantu. Upacara ini dimulakan oleh pihak lelaki yang biasanya diwakili oleh ahli keluarga terdekat seperti bapa saudara diiringi ibu bapa pihak lelaki. Sebaik sahaja tiba di rumah pihak perempuan, wakil pihak lelaki akan mengemukakan hajat mereka dan biasanya disampaikan dalam bentuk pantun. Pihak perempuan yang diwakili oleh ibu bapa akan melakukan sedikit kaji selidik tentang latar belakang pihak lelaki

seperti bertanyakan mengenai pekerjaan, pelajaran dan sebagainya. Ia juga boleh dianggap sebagai majlis ‘menempah menantu’. Di mana, jika kedua belah pihak sudah bersetuju bermakna, ikatan janji dimeterai, tarikh meminang boleh ditetapkan dan sebetuk cincin yang dipanggil belah rotan diberikan kepada pihak perempuan sebagai hadiah. Maka, tiada lelaki lain boleh ‘kacau daun’ kerana janji antara ke dua belah keluarga harus dipegang sehingga majlis kahwin nanti. Majlis merisik biasanya diadakan secara kecil-kecilan dengan saiz rombongan pihak lelaki yang kecil dan tanpa undangan tetamu. Sebagai penutup majlis, rombongan pihak lelaki akan dihidangkan dengan jamuan kecil.

Seperti yang kita tahu, majlis merisik atau meminang adalah salah satu adat budaya yang diamalkan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Banyak kepentingan dan manfaat yang diperolehi sepanjang melalui proses merisik. Amalan ini dianggap seperti amalan menyunting si gadis untuk anak teruna mereka. Namun begitu, bukan hanya pasangan sahaja yang mahu disatukan. Malah, untuk keluarga kedua-dua belah pihak juga dapat bermesra dan berkenalan secara ringkas melalui majlis seperti ini. Kedua-dua keluarga dapat saling mengenali dan melalui proses itulah keluarga wanita dapat menilai sama ada keluarga pihak lelaki tersebut bersesuaian atau tidak dan begitu juga sebaliknya. Selalunya setiap pihak keluarga akan menjaga adab dan pertuturan mereka bagi menunjukkan bahawa mereka adalah daripada keturunan yang baik dan untuk menjaga nama keluarga. Kerana itulah kebanyakan orang mengadakan majlis ini secara tertutup dan kecil-kecilan sahaja. Ianya bagi membolehkan keluarga terdekat sahaja hadir dan fokus pada sesi perkenalan itu.

Berdasarkan pantun di atas, pengarang ingin mengetengahkan konsep pemilihan pasangan berdasarkan pelbagai aspek agar hubungan akan berkekalan. Dalam baris ke dua pantun di atas, pengarang menggunakan padi sebagai pembayang bagi membawa maksud



baris keempat iaitu “asalkan perempuan semuanya menjadi”. Berdasarkan petikan pantun ini, pengarang ingin menjelaskan bahawa dalam memilih pasangan bagi lelaki perlulah menitik beratkan semua konsep yang bersesuaian dengan cita rasa diri serta penting bagi seorang wanita itu memiliki segala sikap murni yang dapat membentuk sebuah keluarga yang bahagia, harmoni dan penuh kasih sayang. Hal ini kerana kebanyakan lelaki lebih memandangi rupa mengatasi segalanya. Selain daripada pemilihan paras rupa yang cantik, sikap dan pemikiran juga merupakan faktor yang perlu dititik beratkan dan tidak dipandang remeh. Ia merupakan salah satu punca banyak berlakunya kes penceraian terutamanya dalam kalangan pasangan yang berkahwin muda kerana banyak masalah yang timbul seperti tiada persefahaman, tiada tolak ansur, tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik dan banyak lagi permasalahan sekiranya berkahwin tanpa bersedia dari pelbagai aspek.

Begitu juga sama pentingnya dalam penghasil padi. Bagi menghasilkan padi yang segar, sihat dan cantik agar dapat diambil dan diproses, cara penanamannya juga sangat penting dan perlu dititik beratkan. Pemilihan baja yang berkualiti sangat menggalakkan pertumbuhan padi dengan baik. Selain itu para pesawah juga tidak boleh memandangi remeh hal keadaan padi sama ada padi itu tumbuh dengan baik atau tidak, kesihatannya, atau pun gangguan binatang pemusnah. Setiap pesawah perlulah menyediakan segala keperluan yang membolehkan mereka mengatasi masalah sedemikian sekiranya berlaku keatas padi yang disemai. Sebagai contoh, memasang patung agar binatang takut untuk menghampiri sawah mereka atau menyembur racun yang dapat mengelakkan kesihatan padi terjejas. Oleh kerana padi memerlukan penjagaan yang rapi serta pemilihan baja yang bersesuaian untuk mendapatkan hasil yang berkualiti, pengarang menjadikan padi sebagai pembayang yang membawa makna yang sama iaitu sebelum memilih pasangan hidup, wanita itu perlulah

bersesuaian dengan kemampuannya untuk melangkah ke alam perkahwinan agar dapat menjamin keluarga yang harmoni. Selain itu, para lelaki juga perlu memperbaiki diri mereka kerana jodoh adalah cerminan diri jadi sebelum mencari wanita yang solehah para lelaki juga perlulah mempraktikkan diri agar menjadi seorang suami yang soleh. Bukan sekadar mengharapkan segala yang baik daripada wanita sahaja. Dengan itu, hubungan akan lebih bahagia dengan sikap memahami dan bertolak ansur. Malahan, kedua-duanya pihak juga perlulah berusaha memperbaiki diri dahulu sebelum memasuki alam perkahwinan. Kerana lelaki yang baik adalah untuk wanita yang baik dan begitu juga sebaliknya. Maka bersamasamalah memperbaiki diri agar dapat membina mahligai yang indah.

### **4.3 Kesimpulan**

Kesimpulan daripada keseluruhan bab ini menerangkan mengenai padi dan pantun. Berdasarkan tajuk kajian 'interpretasi padi dalam kehidupan masyarakat melayu melalui teks pantun pak nazel 101 perkara', dengan menerangkan mengenai dua objektif kajian yang mana objektif utama adalah untuk mengenalpasti konsep penggunaan padi dalam pantun Melayu dan objektif kedua adalah untuk menghubungkan makna padi dalam budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Melalui kedua-dua objektif ini, dapat disimpulkan bahawa padi dan kehidupan melayu tidak dapat dipisahkan malah banyak kepentingannya kepada masyarakat melayu. Selain itu, padi yang merupakan makanan utama yang diamalkan daripada masyarakat dahulu dan berkekal sehingga kini dapat disamakan dengan pantun yang

merupakan sastera lisan masyarakat dahulu dan masih relevan sehingga ke hari ini. Keduanya adalah warisan masyarakat Melayu yang tidak asing dalam kehidupan harian. Melalui pantun juga, masyarakat dapat mempelajari budaya dan tradisi masyarakat dahulu dan mengaplikasikannya dalam kehidupan kini.



## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir di dalam kajian yang mana ianya membincangkan mengenai dapatan kajian yang di bentangkan di dalam bab empat. Perbincangan di lakukan dalam tiga bahagian merangkumi rumusan kajian, cadangan kajian dan kesimpulan. Melalui perbincangan yang dilakukan di dalam bab 4, dapat dilihat bahawa padi memiliki persamaan dengan tradisi dan budaya melayu. Hal ini kerana, padi merupakan makanan ruji yang dimiliki secara turun temurun daripada masyarakat melayu dahulu dan masih diamalkan pengambilannya sehingga ke hari ini. Begitu juga tradisi dan budaya melayu yang masih dijadikan ikutan dan teladan sehingga ke hari ini. Selain itu, pengkaji juga memilih kajian berdasarkan pantun yang menggunakan pembayang padi bagi menyampaikan makna tradisi dan budaya tersebut. Pantun yang digunakan adalah berdasarkan buku *pantun pak nazel 101 perkara* oleh Nazel Hashim Mohamad bagi melengkapkan kajian. Seterusnya, bagi melengkapkan bab ini, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang wajar diutarakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian.

## 5.2 Rumusan Kajian

Pada permulaan kajian ini, pengkaji membincangkan mengenai bab satu yang menerangkan mengenai pendahuluan. Melalui bab ini, ianya merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi konsep, batasan kajian dan kesimpulan kajian. Pengenalan kajian membincangkan mengenai pengertian pantun dan padi. Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa pantun dan padi memberikan pengajaran kepada masyarakat melayu. Pantun dilihat mampu menyampaikan nasihat, pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat melayu manakala padi pula banyak memberikan pendidikan melalui pertumbuhannya sendiri. Hal ini kerana, masyarakat dahulu menjadikan sumber alam sebagai sumber pendidikan mereka disamping menjadikan alam sebagai sumber makanan.

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai topik yang ingin dikaji, pengkaji melakukan kajian literatur yang merangkumi kajian lepas mengenai pantun, kajian lepas mengenai padi dan masyarakat melayu, kajian lepas mengenai teori puitika. Pengkaji menganalisis dan melakukan kritikan terhadap kajian yang berkaitan dengan topik Interpretasi Padi Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Melalui Teks Pantun Pak Nazel 101 Perkara. Kajian ini menyentuh mengenai kajian terdahulu merangkumi kajian terhadap beberapa tesis yang telah dijalankan seperti Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Tesis Ijazah

Sarjana, Tesis Ijazah Sarjana Muda, naskhah Buku dan lain-lain seperti majalah, laman sesawang dan akhbar.

Seterusnya, pengkaji menyatakan kaedah kajian yang dilakukan bagi menjalankan kajian yang merangkumi rekabentuk kajian, kaedah kajian dan penerapan teori. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan menganalisis kandungan teks pantun melalui buku *pantun pak nazel 101 perkara* bagi mengumpul data dan maklumat berkaitan kajian. Pengumpulan data adalah melalui teks kajian dan bahan bacaan buku, artikel, jurnal dan tesis. Penerapan teori pula, pengkaji memilih teori puitika sastera melayu yang di pelopori oleh Muhammad haji Salleh bagi menjelaskan mengenai keindahan yang terdapat di dalam pantun. melalui teori ini, pengkaji menggunakan tiga unsur Keindahan antaranya Keindahan yang didasarkan kepada unsur pengalaman, Keindahan didasarkan kepada konsep: kehidupan, mengajar dan membimbing khalayaknya dalam kehidupan, dan Keindahan itu yang asli.

Kajian ini tertumpu kepada pemaknaan pantun dalam menjelaskan mengenai budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Pantun merupakan puisi tradisional yang sering digunakan sehingga ke hari ini. Pantun bertujuan untuk menyindir, berjenaka dan memberi nasihat serta untuk bersuka-suka melalui lisan atau tulisan yang menyampaikan perasaan bagi menggambarkan pemikiran masyarakat yang bijak dan kreatif. Pantun merupakan tradisi lisan yang sangat tidak asing dengan masyarakat malah dari usia kanak-kanak juga telah diterapkan pendidikan mengenai pantun. Pengkaji memilih padi sebagai sumber kajian utama kerana padi memiliki persamaan dengan pantun. Padi juga merupakan makanan masyarakat Melayu masih diamalkan pengambilannya sehingga kini. Selain itu, masyarakat dahulu banyak mempelajari kehidupan melalui unsur alam yang dilihat dekat dengan mereka pada ketika itu. Oleh itu, pada sama pentingnya dengan budaya dan tradisi masyarakat Melayu.

Pengkaji menggunakan buku pantun pak nazel 101 perkara bagi melengkapkan kajian. Kajian ini mengemukakan dua objektif dalam mencapai matlamat kajian.

### 5.2.1 Dapatan Objektif 1: Mengenalpasti Konsep Penggunaan Padi Dalam Pantun

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji melihat konsep padi sebagai unsur alam yang memberikan pendidikan terhadap kehidupan melayu. Masyarakat dahulu sangat dipengaruhi oleh alam bagi melancarkan kehidupan. Seperti yang kita tahu, masyarakat dahulu hidup dipersisir sungai dan kawasan hutan. Melalui kehidupan yang didedahkan dengan unsur alam, sedikit sebanyak masyarakat juga mendapatkan pendidikan melaluinya. Sebagai contoh, sifat padi yang dilihat tertunduk apabila telah berisi ataupun sudah masak. Melalui sifat ini, pengkaji ingin menjelaskan bahawa masyarakat Melayu perlulah sentiasa memiliki sikap merendah diri. Walaupun daripada kalangan bangsawan, sikap ini perlulah diterapkan dan dijadikan amalan kerana ia adalah lambang masyarakat Melayu yang perlu dititik beratkan sehingga kini. Orang Melayu dikenali sebagai masyarakat yang berbudi bahasa dan beradab mulia. Hal ini kerana masyarakat dahulu yang hidup dengan persekitaran semula jadi tanpa ada pengaruh budaya daripada budaya luar. Berbeza dengan masyarakat kini yang telah terdedah dengan pengaruh luar sehinggalah budaya Melayu kian ditinggalkan. Oleh itu, pengkaji melihat konsep padi sebagai unsur alam dan pengaplikasiannya dalam pantun Melayu melalui buku pantun pak nazel 101 perkara.

### 5.2.2 Dapatan Objektif 2: Menghubungkan Makna Padi Dalam Budaya Dan Tradisi Masyarakat Melayu

Berdasarkan objektif kedua, pengkaji menjelaskan makna padi dalam budaya masyarakat melayu kepada dua iaitu budaya masyarakat melayu berbudi dan budaya masyarakat melayu tidak kufur nikmat. Manakala, tradisi pula terdiri daripada tradisi masyarakat melayu merisik. Kajian ini dijalankan dengan melihat pantun yang ditemui di dalam buku *pantun pak nazel 101 perkara*. Setiap pantun tersebut merungkaikan makna berkaitan budaya dan tradisi masyarakat melayu. Kajian ini melihat padi sebagai pembayang yang akan menjelaskan makna kepada budaya dan tradisi yang telah dinyatakan tadi.

Pengkaji mengangkat padi untuk menggambarkan budaya masyarakat melayu berbudi. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mengangkat sikap berbudi dalam masyarakat melayu. seperti yang kita tahu, masyarakat dahulu sangat kaya dengan sikap berbudi. Sikap ini diamalkan secara turun temurun sehingga kini. Pengkaji mengangkat sikap ini kerana sama pengertiannya dengan padi yang dilakukan secara turun temurun malah pengambilannya masih diamalkan sehingga kini serta ianya dijadikan makanan asas masyarakat melayu. padi juga memberi kebaikan kepada masyarakat melayu sama seperti sifat berbudi yang memberikan keharmonian kepada masyarakat melayu.

Seterusnya, budaya masyarakat melayu tidak kufur nikmat atas segala rezeki yang dikurniakan. Pengkaji melihat melalui penghasilan padi yang memiliki pelbagai proses dan memerlukan kesabaran. Setiap proses yang dilakukan menggunakan tenaga yang banyak namun terdapat beberapa padi yang akhirnya memiliki masalah atas pertumbuhannya. Oleh



itu, pengkaji ingin menjelaskan bahawa manusia perlulah mensyukuri segala nikmat dengan tidak menyoal segala ujian yang diberikan. Meskipun ditimpa ujian yang berat, pasti disebaliknya ada nikmat yang tersembunyi. Pengkaji ingin mengangkat sifat positif yang terdapat di dalam tanaman padi agar mampu memberi kesan yang positif kepada masyarakat melayu.

Tradisi masyarakat melayu merisik pula adalah tradisi yang masih diamalkan sehingga kini. Tradisi ini sangat diangkat oleh masyarakat melayu kerana ianya melambangkan adat masyarakat melayu dan melihatkan sikap orang melayu yang beradab. Walaupun begitu, masyarakat perlulah berhati-hat dalam memilih pasangan agar tidak dikesali di kemudian hari. Berdasarkan kajian ini, pengkaji melihat pantun yang menerangkan mengenai pemilihan pasangan dan mengaitkannya dengan penghasilan padi. pengkaji mendapati bahawa untuk mneghasilkan tanaman padi yang cantik dan segar memerlukan pemilihan baja yang berkualiti. Selain itu, para pesawah juga perlulah memantau pertumbuhannya sehingga masak. Sikap inilah yang ingin dijelaskan oleh pengkaji mengenai pemilihan pasangan sebelum melangkah kealam perkahwinan.

### **5.3 Cadangan**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji melihat kurangnya kajian yang dilakukan keatas unsur alam iaitu padi. Meskipun padi dilihat dekat dengan kehidupan masyarakat melayu namun ramai daripada kalangan masyarakat yang tidak mengangkat pertumbuhannya dan mengambil mudah pengertiannya dalam kehidupan manusia. Padi

dilihat mampu memberikan pendidikan dan pengertian kehidupan kepada khalayak. Selain itu, pengkaji juga melihat kurangnya penggunaan pantun dalam kalangan remaja kini. Pantun tidak lagi dijadikan bahasa komunikasi yang biasa sebaliknya ianya digunakan sebagai penyedap kata ketika di majlis-majlis keramaian. Seterusnya, bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji menggunakan teori puitika sastera melayu. Berdasarkan hasil kajian yang dijumpai daripada kajian terdahulu ketika menyiapkan kajian ini, pengkaji menyedari bahawa kurangnya kajian yang dilakukan keatas teori puitika sastera melayu. Oleh hal yang demikian, kurang juga maklumat yang diperolehi oleh pengkaji terhadap teori puitika.

### **5.3.1 Cadangan Kepada Sarjana**

#### **5.3.1.1 Penelitian Keatas Kepentingan Padi**

Secara umumnya, padi merupakan makanan asas masyarakat melayu serta masyarakat di seluruh asia. Pengambilan padi dilihat tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat. Masyarakat melayu kebanyakannya sangat jelas dengan pengertian penciptaan tanaman tersebut. Malahan, tanaman ini telah dijalankan dari zaman dahulu lagi sehingga ke hari ini. Oleh itu, pengkaji ingin mencadangkan kepada para sarjana yang mahu meneruskan kajian keatas sumber alam untuk memasukkan tanaman padi sebagai salah satu sumber alam yang mampu memberi manfaat kepada khalayak. Bukan sahaja manfaatnya dalam membekalkan sumber makanan kepada manusia malah ianya juga memiliki hubungan yang kuat dengan masyarakat dahulu melalui kehidupan. Dengan melihat manfaat yang boleh didapati berdasarkan kajian terhadap padi, pengkaji berharap akan ada penerusan keatas

kajiannya. Berdasarkan objektif utama yang menjelaskan mengenai konsep padi sebagai unsur alam, pengkaji ingin menekankan bahawa masyarakat melayu dan tanaman padi tidak boleh dipisahkan. Masyarakat melayu mempelajari mengenai erti kehidupan melalui tanaman padi. Seperti yang dijelaskan, tanaman padi mendidik masyarakat melayu melalui pertumbuhannya. Oleh itu, tanaman ini sangat kuat hubungannya dengan masyarakat melayu dan tidak seharusnya ditinggalkan begitu sahaja. Kajian keatas padi perlulah ditekankan agar tanaman ini sering diangkat dalam kalangan masyarakat melayu.

#### **5.3.1.2 Memperbanyakkan Kajian Keatas Teori Puitika Sastera Melayu**

Teori puitika sastera melayu yang dipelopori oleh Muhammad Hj Salleh menjelaskan mengenai ciri-ciri keindahan dan unsur keindahan. Keindahan yang dinyatakan didalam teori tersebut bersesuaian bagi merungkai pengertian teks kajian. Pengkaji mendapati kurangnya maklumat yang diperolehi daripada teori ini. Hal ini kerana, kurang kajian yang dilakukan terhadap teori puitika sastera melayu. Para sarjana yang berhajat untuk meneruskan kajian dicadangkan untuk menggunakan teori puitka bagi melengkapkan kajian yang dijalankan. Teori ini sangat menarik kerana banyak perkaitan yang boleh digunakan sepanjang menjalankan kajian. Hal ini kerana, teori ini memiliki enam ciri keindahan dan enam unsur keindahan yang membolehkan pengkaji memilih untuk menggunakan beberapa ciri dan unsur yang dinyatakan bagi melengkapkan kajian dan boleh juga menggunakan kesemua ciri dan unsur keindahan tersebut. Oleh itu, pengkaji mencadangkan sarjana yang ingin

menjalankan kajian untuk menggunakan teori ini kerana ianya bersesuaian dengan banyak jenis kajian yang dijalankan.

### **5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat**

#### **5.3.2.1 Menggunakan Pantun Dalam Pertuturan Harian**

Seperti yang kita tahu, penggunaan pantun tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat melayu seperti menggunakan pantun dalam majlis-majlis rasmi dan keramaian. Namun secara nyatanya, pantun kurang dipraktikkan dalam kehidupan harian masyarakat. Meskipun pantun sering difahami masyarakat namun kurang penggunaanya dalam komunikasi harian. Sikap ini semakin lama boleh mengakibatkan penggunaan pantun kian dilupakan dan menyebabkan generasi akan datang tidak memahami motif penciptaan pantun. Pantun merupakan budaya masyarakat melayu bertutur pada suatu ketika dahulu. Kini, masyarakat melayu sudah tidak menjadikan pantun sebagai bahasa komunikasi dan hanya menggunakannya untuk majlis-majlis dan acara-acara tertentu sahaja. Pengkaji mencadangkan bahawa pantun diterapkan dalam hidupan harian dengan memasukkan pantun dalam setiap perkaa yang dilakukan terutamanya masyarakat yang memiliki banyak pengikut. Sebagai contoh, pengaruh media sosial seperti tiktok, instagram, facebook, youtube dan sebagainya perlulah memasukkan penggunaan pantun dalam kandungan video atau penulisan yang dimuat naik. Oleh kerana generasi kini mudah terikut dengan pengaruh media massa, cadangan ini berkemungkinan dapat menerapkan penggunaan pantun dalam bahasa dan pertuturan mereka.

#### 5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa padi dan pantun memiliki persamaan dalam penerimaannya kepada masyarakat melayu. Hal ini kerana, kedua-duanya melalui proses turun temurun dan masih diamalkan sehingga kini. Padi memberikan pengalaman kehidupan kepada masyarakat melayu dan masyarakat melayu juga memanfaatkan pertumbuhannya dalam membekalkan sumber makanan agar masyarakat dapat meneruskan kehidupan. Puisi tradisional pantun mampu memberikan pendidikan, nasihat dan pengajaran kepada masyarakat. Keindahan yang terlihat dalam kajian yang dijalankan dijelaskan dengan menggunakan teori puitika sastera melayu. Melalui kajian ini, pengkaji memetik pantun melalui buku *pantun pak nazel 101 perkara* dengan menjelaskan mengenai keindahan yang terdapat di dalam teori puitika sastera melayu.

## RUJUKAN

Anak muda perlu dipupuk minat pantun. (2018, December 12). Retrieved June 27, 2021, from Berita Harian website:

<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/12/508283/anak-muda-perlu-dipupuk-minat-pantun>

ISMAIL, H. (2019). TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU: INTERPRETASI DAN PRAKTIKALITI. MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB).

<https://doi.org/10.51200/manu.v0i0.1867>

M Hifzuddin Ikhsan. (2019, February 28). Anak muda perlu selamatkan Jelapang Padi.

Retrieved June 27, 2021, from Berita Harian website:

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/02/535807/anak-muda-perlu-selamatkan-jelapang-padi>

Mini, W., & Khairil. (2016). . Retrieved from website:

<https://core.ac.uk/download/pdf/78390624.pdf>

NORAINI ABDUL SHUKOR, & ALI. (2016). PADI SEBAGAI TANDA DALAM

PERIBAHASA MELAYU. Jurnal Melayu, 15(1). Retrieved from

<https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/14135/4337>

Pantun: Apakah kita tidak terdaya berfikir? (2021, January 22). Retrieved June 27, 2021, from Berita Harian website:

<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2021/01/778732/pantun-apakah-kita-tidak-terdaya-berfikir>

Pantun, K., Rencah, Leluhur, D., Dulu, B., Kini, Siti, S., ... Abstrak, M. (2013). Siti Hajar Che Man 75. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 75–81. Retrieved from [http://journalarticle.ukm.my/6395/1/IMAN1\\_6.pdf](http://journalarticle.ukm.my/6395/1/IMAN1_6.pdf)

Pantun Melayu Telah Ubah Peranan Tetapi Semakin Popular | UKM News Portal. (2014, November 30). Retrieved June 27, 2021, from UKM News Portal website:

<https://www.ukm.my/news/arkib-berita/year-2014/november-2014/pantun-melayu-telah-ubah-peranan-tetapi-semakin-popular/>

Pengkaedahan, T., Johari, M., & Yahaya, B. (2015). PANTUN PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF. Retrieved from website:  
[http://eprints.usm.my/30138/1/JOHARI\\_YAHYA.pdf](http://eprints.usm.my/30138/1/JOHARI_YAHYA.pdf)

. (n.d.). PADI DAN AIR SEBAGAI TANDA DALAM PERIBAHASA MELAYU: PENDEKATAN FIRASAT. Retrieved from  
[http://studentsrepo.um.edu.my/9052/1/Noraini\\_Abd.\\_Shukor\\_-\\_Dissertation.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/9052/1/Noraini_Abd._Shukor_-_Dissertation.pdf)

. (n.d.). SIMBOL DAN MAKNA DALAM PANTUN MELAYU BINGKISAN PERMATA. Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/9314/5/eizah.pdf>

. (n.d.). • • Retrieved from [http://studentsrepo.um.edu.my/10485/1/ong\\_seow\\_ling.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/10485/1/ong_seow_ling.pdf)

View of NYANYIAN PANTON SEBAGAI MEDIUM HIBURAN DAN PENDIDIKAN

MASYARAKAT COCOS DI SABAH. (2021). Retrieved June 27, 2021, from

Ums.edu.my website:

<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/1876/1201>

Adat merisik. (2015). Retrieved December 12, 2021, from Scribd website:

<https://www.scribd.com/doc/259296663/adat-merisik>

Dyah Purbasari Kusumaning Putri, & Sri Lestari. (2022). PEMBAGIAN PERAN DALAM

RUMAH TANGGA PADA PASANGAN SUAMI ISTRI JAWA. *Jurnal Penelitian*

*Humaniora*, 16(1), 72–85. Retrieved from

<https://journals.ums.ac.id/index.php/humaniora/article/view/1523/1056>

MEMPELAS. (2021, October 31). Retrieved October 31, 2021, from Blogspot.com

website: <http://animhosnan.blogspot.com/2014/03/mempelas.html>

Pustaka, T., Padi, A., & Beras, D. (n.d.). *BAB II*. Retrieved from

<http://digilib.unimus.ac.id/files/disk1/155/jtptunimus-gdl-sonnikurni-7720-3->

[bab2.pdf](http://digilib.unimus.ac.id/files/disk1/155/jtptunimus-gdl-sonnikurni-7720-3-bab2.pdf)

Rendra Setyadiharja. (2021, March 10). Perihal “Pembayang Maksud.” Retrieved October

31, 2021, from Jantungmelayu.com website:

<https://jantungmelayu.com/2021/03/3959/>



Rusdi, A. (2016). SYUKUR DALAM PSIKOLOGI ISLAM DAN KONSTRUKSI ALAT

UKURNYA. *Jurnal Ilmiah Penelitian Psikologi: Kajian Empiris & Non-Empiris*, 2(2), 37–54. <https://doi.org/10.22236/JIPP-19>

Perpustakaan, P., & Perlis, A. (n.d.). A D A T P E R K A H W I N A N M A S Y A R A K

A T M e m i n a n g. In *Jurnal Warisan Indera Kayangan Bil* (pp. 11–1999).

Retrieved from

[https://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1443/1/JWIK\\_1999\\_Bil11\\_4.pdf](https://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1443/1/JWIK_1999_Bil11_4.pdf)

Wanita Idaman Surga. (2013). Retrieved January 26, 2022, from Google Books website:

[https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=7jmlBAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PR1&dq=wanita+&ots=tCROLeRAuh&sig=GqEDH-dWbJKCzT9kgj8JST8SZTs&redir\\_esc=y#v=onepage&q=wanita&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=7jmlBAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PR1&dq=wanita+&ots=tCROLeRAuh&sig=GqEDH-dWbJKCzT9kgj8JST8SZTs&redir_esc=y#v=onepage&q=wanita&f=false)

*BAB DUA KONSEP DAN TEORI 2.1 Konsep Budaya*. (n.d.). Retrieved from

[http://studentsrepo.um.edu.my/6124/2/BAB\\_DUA\\_KONSEP.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/6124/2/BAB_DUA_KONSEP.pdf)

Pengkaedahan, T., Johari, M., & Yahaya, B. (2015). *PANTUN PERIBAHASA MELAYU:*

*ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF*. Retrieved from

[http://eprints.usm.my/30138/1/JOHARI\\_YAHYA.pdf](http://eprints.usm.my/30138/1/JOHARI_YAHYA.pdf)